




KEMENTERIAN
BELIA DAN SUKAN

LAPORAN TAHUNAN 2022





LAPORAN TAHUNAN 2022

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Menara KBS
No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya
Tel: 603 8871 3333
Faks: 603 8888 8770

Diterbit oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Aras 4, Menara KBS
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya
Tel: 603 8871 3333
Faks: 603 8888 8770

Hak Cipta Pencetak:

Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula untuk tujuan komersial atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Belia & Sukan.

Reka Bentuk & Urus Cetak:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur,
Malaysia
Tel : 03 - 9236 6888
Emel : cservice@prntnasiona.com.my






Kandungan

-
- 08 Kata Alu-aluan**
YB Menteri Belia & Sukan
-
- 10 Sekapur Sirih, Seulas Pinang**
Ketua Setiausaha KBS
-
- 12 Carta Organisasi**
Kementerian Belia & Sukan
-
- 15 Pencapaian & Sorotan**
Tahun 2022
-
- 25 Laporan Sektor Pengurusan**
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Kewangan
Bahagian Pembangunan
Bahagian Akaun
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Khidmat Pengurusan
-
- 52 Unit Komunikasi Korporat**
-
- 55 Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)**
-
- 65 Unit Audit Dalam**
-
- 71 Unit Integriti**
-
- 78 Pejabat Penasihat Undang-Undang**
-
- 83 Laporan Sektor Strategik**
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Sekretariat Industri Sukan
Bahagian Hubungan Antarabangsa
-

Pengenalan



SEJARAH KBS

Sejarah penubuhan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab mengenai hal ehwal belia. Seterusnya pada tahun 1964 Bahagian Kebudayaan ini telah dipindahkan di bawah Kementerian Penerangan. Berikutan kegiatan belia secara berpersatuan yang semakin berkembang, maka bagi memupuk serta memantau perkembangan tersebut, Bahagian Belia telah ditubuhkan di bawah Kementerian Penerangan dan kemudiannya, Bahagian Sukan turut ditubuhkan.

Kementerian Belia dan Sukan diwujudkan pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena tarikh Hari Belia Negara pada tahun tersebut. Pada tahun 1972, Bahagian Kebudayaan telah diwujudkan dan dengan itu nama Kementerian Belia dan Sukan ini telah diubah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga tahun 1987 apabila Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Atas sebab perpindahan Bahagian Kebudayaan tersebut, nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah kembali kepada nama asalnya iaitu Kementerian Belia dan Sukan sehingga sekarang.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diamanahkan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Malaysia khususnya dalam pembangunan belia dan sukan.



VISI


Membentuk Malaysia yang lebih sejahtera, makmur dan bersatu melalui pembangunan belia dan pembudayaan sukan.



MISI

Memacu kemajuan belia dan sukan secara holistik untuk memenuhi aspirasi negara.

Teras Strategik KBS 2021-2025



Pemeriksaan Anak Muda

Dalam memperkasakan anak muda, suara anak muda akan diberi ruang dalam menentukan hala tuju dan perancangan organisasi, potensi belia akan digilap sepenuhnya dan diiktiraf. Kepimpinan anak muda diasuh dalam melahirkan belia bertaraf global dan menyantuni komuniti.



Kualiti Kesejahteraan Hidup

Meningkatkan tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan menjadi matlamat utama setiap individu, tidak terkecuali belia, kerana mereka merupakan kumpulan yang berpotensi mempengaruhi masa depan sesebuah negara. Sehubungan itu, beberapa faktor harus diambil kira seperti tahap pendidikan, kesihatan dan sumber pendapatan mereka. Maka tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka perlu diberi perhatian sewajarnya.



Penciptaan Pekerjaan

Pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini dan kepelbagaian keperluan oleh majikan. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi negara semasa yang agak sederhana. Penciptaan peluang pekerjaan baharu yang perlahan dilihat tidak senada dengan limpahan graduan dalam pasaran kerja. Justeru, KBS dalam usaha mencipta peluang pekerjaan dan medium yang sesuai untuk generasi muda.



Memperkasa Tadbir Urus

Bagi memperkasa tadbir urus, KBS telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya dengan mengamalkan tadbir urus yang baik & berintegriti. KBS telah melancarkan Pelan Integriti KBS antaranya menggariskan perolehan yang telus (Open Tender), penempatan Pegawai SPRM di KBS, melaksanakan program *auditing*, pengisytiharan harta Menteri dan Pegawai Pejabat Menteri dan akhir sekali memuktamadkan *Corruption Risk Management* (CRM) dengan kerjasama SPRM.

Piagam Pelanggan KBS



- 1** Memaklumkan keputusan permohonan bantuan aktiviti yang dikemukakan oleh pertubuhan belia/badan sukan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh mesyuarat.

- 2** Meluluskan pendaftaran pertubuhan belia dalam tempoh lima (5) hari dengan syarat permohonan memenuhi garis panduan yang ditetapkan.

- 3** Meluluskan pendaftaran badan sukan dalam tempoh tujuh (7) hari dengan syarat memenuhi garis panduan yang ditetapkan.

- 4** Memaklumkan keputusan permohonan kemasukan ke IKBN/IKTBN dalam tempoh tiga (3) minggu selepas permohonan ditutup.

- 5** Menjelaskan tuntutan bayaran dalam tempoh 14 hari dengan syarat dokumen yang dikemukakan adalah lengkap.

- 6** Mengesahkan penerimaan aduan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan memberikan maklum balas aduan dalam tempoh tiga (3) hari.



PEMBUKA BICARA KATA ALU-ALUAN





Kata Alu-aluan

YB Hannah Yeoh

Menteri Belia dan Sukan





Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan 2022 Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Naskhah ini boleh dijadikan rujukan kepada pencapaian program belia dan sukan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

Sebagai Menteri Belia dan Sukan yang baharu, saya telah menegaskan bahawa saya akan terus memperkasakan program sedia ada dan tidak berhasrat untuk memperkenalkan program baharu membabitkan pembangunan sukan negara. Saya telah menggariskan lima (5) aspek yang menjadi fokus utama bagi menerajui KBS iaitu:


- (i) sukan dapat diakses oleh semua;
- (ii) memberikan ruang yang selamat kepada atlet;
- (iii) kebajikan atlet;
- (iv) mendengar dan mencari jalan memperkasakan program sedia ada; dan
- (v) bekerjasama dengan 17 kementerian lain dari aspek belia dan memastikan adanya kesinambungan.

Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Ketua Setiausaha dan Pengurusan Tertinggi KBS dan seluruh warganya atas komitmen yang diberikan untuk merealisasikan pencapaian KBS sepanjang tahun 2022.

Saya berharap agar KBS terus komited bagi tahun 2023 dalam merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan pembaharuan yang dapat memberikan impak positif terhadap pembangunan dan pencapaian penggiat sukan dan belia di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

YB Hannah Yeoh
Menteri Belia dan Sukan



Sekapur Sirih, Seulas Pinang

YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan



Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Tahun 2022 merupakan tahun yang penting dalam memacu hala tuju pembangunan belia dan sukan terutamanya selepas negara dan dunia dilanda wabak pandemik COVID-19 yang telah membawa pelbagai cabaran. Namun di sebalik cabaran ini, terdapat juga peluang golongan belia dan dunia sukan untuk membuat penyesuaian dan inovasi ke arah norma baharu kehidupan.

Evolusi yang berlaku ini turut menyaksikan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus memainkan peranan penting dalam memastikan golongan sasaran kekal relevan. KBS menyediakan beberapa program dan inisiatif kepada golongan belia dan para penggiat sukan agar mereka dapat terus menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan komuniti belia dan sukan di Malaysia.

Selanjutnya, bagi memastikan perjalanan sukan negara dapat diteruskan dengan cemerlang, Visi Sukan Negara 2030 (VSN2030) telah diperkenalkan pada Oktober 2022. VSN2030 menggariskan enam teras utama iaitu pembudayaan sukan, kegemilangan sukan, industri sukan, pembangunan bakat, profesionalisme sukan dan hub sukan. Melalui VSN2030 yang memerlukan pelaksanaan di semua peringkat dan sokongan semua pihak, ia dapat menganjukkan Malaysia sebagai negara bersukan dan memangkin prestasi sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam mengiktiraf belia sebagai pemimpin negara pada masa hadapan, KBS terus melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan jati diri, sosial, kemahiran dan kepimpinan seperti

Sukarelawan Rakan Muda (SATRIA), *Malaysia Future Leaders School* (MFLS), Felo Perdana dan program-program pengantarabangsaan belia. Pada tahun 2022, KBS telah melibatkan golongan belia secara langsung dalam membangunkan satu dokumen dasar yang akan menyediakan golongan belia bagi menempuh cabaran 2030. Pelancaran dokumen ini disasarkan pada tahun 2023. Usaha ini menunjukkan komitmen KBS untuk melibatkan belia secara inklusif dalam membangunkan dasar-dasar negara.

Pada tahun 2023, KBS akan terus meneraju pembangunan belia dan sukan selari dengan agenda pembangunan mampan serta pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan

Carta Organisasi KBS 2022



YB HANNAH YEOH
Menteri



YB ADAM ADLI BIN ABD HALIM
Timbalan Menteri




YBHG. DATO' JANA SANTHIRAN MUNIYAN
Ketua Setiausaha
Pegawai Tadbir & Diplomatik
Gred Utama A



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
ABDULLAH BIN HASAN
Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred Utama B



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
IZZAD ZALMAN BIN ABD KADER
Ketua Komunikasi Korporat
Gred 54 Terbuka



UNIT AUDIT DALAM
GANESH RAO A/L C BODIAH
Ketua Audit Dalam
Juruaudit W52



UNIT INTEGRITI
GEETHA RAMACHANDRAN
Ketua Unit Integriti
Pegawai Tadbir & Diplomatik M52



BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NORAZLI BIN INDZAM
Setiausaha Bahagian
Pegawai Tadbir & Diplomatik M54



BAHAGIAN AKAUN
MASLINA BINTI KAMARUDIN
Ketua Akauntan
Akauntan WA54



BAHAGIAN KEWANGAN
MISJIJAH BINTI MARUL
Setiausaha Bahagian
Pegawai Tadbir & Diplomatik M54



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
HAZALIA BINTI HASSAS
Setiausaha Bahagian
Pegawai Tadbir & Diplomatik M54



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
NORAIDA BINTI MOHD NADZIR
Setiausaha Bahagian
Pegawai Teknologi Maklumat F54




BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
RICHARD BARAHIM
Setiausaha Bahagian
Pegawai Tadbir & Diplomatik M52



MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN)
DATO' AHMAD SHAPAWI BIN ISMAIL
Ketua Pengarah
Pegawai Belia & Sukan
Gred Utama B




INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)
AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI
Ketua Pegawai Eksekutif
Gred Utama C Terbuka



INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)
DR. VELLAPANDIAN A/L PONNUSAMY
Ketua Pegawai Eksekutif
Gred Utama C Terbuka



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)
MOHD FAIDZ BIN SANUSI
Ketua Pegawai Eksekutif
Pegawai Tadbir N52



Carta Organisasi KBS pada Disember 2022



PENCAPAIAN & SOROTAN

Tahun 2022



Pencapaian & Sorotan Tahun 2022

Mei

Sukan SEA Vietnam



Dato' Pandelega Rinong Pamg dan Nur Dhabitah Sabri memenangi pingat emas dalam acara *Aquatic (Diving) Womens 10m Synchronised Platform*.



Datuk Mike Mahen memenangi pingat emas dalam acara *Bodybuilding*.

Kejohanan FIM JuniorGP di Estoril, Portugal



Hakim Danish naib juara Perlumbaan 2 Pusingan 1 *European Talent Cup (ETC)* dalam Kejohanan *FIM JuniorGP*.

Jun

Parlimen Belia Malaysia 2022



Perbahasan belia di Parlimen Belia Malaysia 2022.

Women Sports Challenge (WSC)



Majlis perasmian telah disempurnakan Pemangku Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sukan) JBSN, Encik Sabran Abd. Bahar.

Majlis Anugerah Sukan Negara 2022



Olahragawati Kebangsaan 2022, Ng Joe Ee bergambar bersama Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Felo Perdana, Felo Korporat



Mantan Perdana Menteri beramah mesra dengan peserta Felo Perdana.

Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan 2022 Sabah



Datuk KSU KBS bersama belia yang terlibat dalam aktiviti Kempen Penanaman 100 juta Pokok 2021 - 2025 di Sabah.

Temasya Sukan Komanwel Birmingham 2022



Pearly Tan dan Thinnah M. memenangi pingat emas menerusi acara beregu wanita.

Track Asia Cup 2022



Pelumba basikal trek Malaysia di Track Asia Cup 2022.

**Malaysia Sports League (MSL)
Peringkat Kebangsaan 2022**



Atlet-atlet yang menyertai *Malaysia Sports League (MSL) Peringkat Kebangsaan 2022*.



Kontinjen Melaka mendapat johan bagi sukan Bola Keranjang bagi kategori wanita.



Kontinjen Sabah menjadi pemenang bagi sukan Bola Jaring.

September

**Majlis Perasmian
Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022**



Legenda Tenpin Boling negara, Shalin Zulkifli diberi penghormatan menyalakan obor temasya SUKMA XX 2022.

Sekitar Sukma XX MSN 2022



YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali memberi pingat kepada para pemenang.

**Majlis Penutup Sukan Malaysia (SUKMA) XX
MSN 2022**



Muhammad Fakhruddin dan Tan Rouxin dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Sukma 2022.

BWF World Championships



Juara Dunia *BWF World Championships* Aaron Chia dan Soh Wooi Yik selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Kejohanan Dodgeball Dunia 2022 di Edmonton, Kanada



Skwad *Dodgeball* lelaki negara muncul juara dan pasukan campuran muncul naib juara di Kejohanan *Dodgeball* Dunia 2022.

Oktober

PETRONAS Le Tour de Langkawi (LTdL) 2022



Jambaljamts Sainbayar pelumba dari Terengganu Polygon Cycling Team dinobatkan sebagai *Best Asian Rider* PETRONAS LTdL 2022.



Terengganu Polygon Cycling Team dinobatkan sebagai pasukan terbaik Asia untuk edisi PETRONAS LTdL 2022.

Kejohanan Terbuka Perancis 2022



Pearly Tan dan M. Thinaah berjaya merangkul juara Kejohanan Terbuka Perancis 2022.

Majlis UNESCO Knowledge For Change (K4C) International Residency Mentor Training Program 2022



Wakil UNESCO bagi program UNESCO Knowledge For Change (K4C) International Residency Mentor Training Program 2022.

Hari Sukan Negara



Perlawanan semasa Hari Sukan Negara 2022 Peringkat Kebangsaan di sekitar Putrajaya.

Asia Talent Cup (ATC)



Hakim Danish mengungguli kedudukan juara dengan 126 mata perlumbaan Asia Talent Cup (ATC).

PETRONAS GRAND PRIX OF MALAYSIA



Para pemenang MotoGP™ 2022 di Litar Antarabangsa Sepang.



Aksi sukan pemotoran MotoGP™ 2022 di Litar Antarabangsa Sepang.

PARA SUKMA XX MSN 2022



Bonnie Bunyau Gustin mendapat pingat emas dalam acara *Powerlifting* kategori 72 kg.



Siti Nuraisyah Sahrin menyumbangkan pingat emas buat kontinjen negeri Selangor menerusi Sukan Angkat Berat acara *powerlifting* kategori 55 kg.

31st Athens International Sailing Week 2022

Para pemenang 31st Athens International Sailing Week 2022.



Muhammad Fauzi Kaman Shah dan Juni Karimah Noor Jamali mendapat tempat kedua dalam acara Kelas *International 470 Mixed*.

Kejohanan Asia Talent Cup (ATC) bagi musim 2022



Hakim Danish menjadi juara keseluruhan kejohanan Asia Talent Cup (ATC) bagi musim 2022.

Kejohanan Boling Padang Juara Perseorangan Dunia Wellington, New Zealand 2022



Izzat Shameer meraih pingat perak dalam acara Boling Padang bagi Kejohanan Boling Padang Juara Perseorangan Dunia Wellington, New Zealand 2022.

World Cup Bahrain 2022



Emas buat Lee Chee Hoong dalam sukan Boccia di World Cup Bahrain 2022.

Angkat Sumpah YBM dan YBTM



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat di Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-15 Dewan Rakyat.



YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat di Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-15 Dewan Rakyat.

Lawatan Kerja *Transparency International of Cambodia* dan *Actionaid Cambodia* ke Kementerian Belia dan Sukan



Pemberian cenderamata kepada wakil *Transparency International of Cambodia* (TI Cambodia) dan *Transparency International Malaysia* (TI Malaysia) bersempena dengan program *Young Leadership Programme (YLP) 2022 – Exposure Trip in Malaysia*.



13 orang belia dan pegawai daripada *Transparency International of Cambodia* (TI Cambodia) dan pegawai daripada *Transparency International Malaysia* (TI Malaysia) di Kementerian Belia dan Sukan.



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) diterajui oleh Setiausaha Bahagian (Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54) yang merancang, menyelaras dan mengurus hal-hal perkhidmatan bagi pegawai dan kakitangan KBS dari mula pelantikan sehingga ke persaraan. Cawangan yang menjalankan fungsi-fungsi Bahagian adalah seperti berikut:

Cawangan Pembangunan Organisasi

- Pengukuhan Perjawatan dan Penstrukturan Organisasi.
- Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi.

Cawangan Perkhidmatan dan Prestasi

- Pengambilan, Pengisian, Penempatan dan Pertukaran.
- Permohonan Elaun, Cuti, Kemudahan Perubatan dan Penyelarasan Pencen.

Cawangan Pembangunan Kerjaya

- Pembangunan Kompetensi dan Pengurusan Kerjaya.
- Penyelarasan Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dan Tabung Kumpulan Wang Amanah Skim Basiswa Sukan Persekutuan.

PROGRAM DAN AKTIVITI

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021

Majlis ini merupakan acara yang diadakan setiap tahun bagi mengiktiraf dan menghargai pencapaian cemerlang yang diusahakan oleh warga KBS sepanjang tahun 2021. Pada kali ini, majlis dilaksanakan secara hibrid iaitu majlis dilangsungkan secara fizikal dan dalam talian. Tema majlis APC bagi tahun ini ialah “Mewarnai Kejayaan Bersama”. Majlis APC bagi tahun 2021 telah diadakan pada 17 Jun 2022 di Hotel Sama-Sama, Sepang. Majlis ini dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan. Seramai 325 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) telah menerima sijil penghargaan APC, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) berjumlah RM1,000 dan cenderahati sumbangan Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara dan *Selangor International Circuit*.



Penerima APC Tahun 2021.



Urus setia Majlis APC Tahun 2021.

Majlis Tautan Bakti, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Tahun 2022

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Majlis Tautan Bakti pada 8 November 2022 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Majlis meraikan pesara dan bakal pesara ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh KBS sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti yang diberikan sepanjang perkhidmatan, khususnya di KBS. Sejumlah 40 orang pegawai yang telah bersara dari perkhidmatan awam di Kementerian pada tahun 2022 telah diraikan dalam majlis ini. YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Mantan Ketua Setiausaha KBS telah hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut. Turut hadir, pengurusan tertinggi Kementerian yang bersama-sama meraikan pegawai-pegawai yang bersara.



Pegawai-pegawai bersara yang diraikan bergambar bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian.



Sesi Kursus KKKBS 2022.



Majlis Perasmian Penutup KKKBS 2022 oleh YBr. Puan Hazalia binti Hassan, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) pada 27 Mac 2022 (Ahad), bertempat di Dewan Utama, Kem Wawasan Negara Lipis, Kuala Lipis, Pahang.

Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) Tahun 2022

Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) 2022 telah dilaksanakan selama 35 hari bermula dari 21 Februari hingga 27 Mac 2022 bertempat di Kem Wawasan Negara Lipis, Kuala Lipis, Pahang. KKKBS 2022 merupakan pelaksanaan kali ke-11 sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2008 dan merupakan syarat wajib untuk pengesahan jawatan bagi pegawai dalam Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan (S) dan Skim Perkhidmatan Latihan (E). Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk membentuk keperibadian unggul, berkeupayaan menjadi pemikir yang mantap dan membangunkan profesionalisme dalam kalangan peserta selaras dengan visi dan misi Kementerian. Kursus ini telah melibatkan penyertaan seramai 42 orang pegawai terdiri dalam kalangan pegawai-pegawai dari Gred S29, S41, E29 dan E41. Kursus ini terbahagi kepada 5 Elemen Utama iaitu Elemen Kenegaraan, Elemen Modal Insan, Elemen Pengurusan, Elemen Kepimpinan dan Elemen Kerjaya yang dapat membantu pegawai-pegawai baharu dalam menjalankan tugas di lapangan masing-masing. Pihak Urus Setia telah mengambil langkah proaktif untuk tetap melaksanakan Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) Tahun 2022 dilaksanakan secara fizikal dengan menggunakan kaedah *Camp Base Training* bagi memastikan keselamatan peserta terjamin dari penularan virus COVID-19.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Biasiswa Sukan Persekutuan Tahun 2022

Hebahan Biasiswa Sukan Persekutuan (BSP) Kementerian Belia dan Sukan bermula pada 15 hingga 30 April 2022 di portal Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Seramai 259 calon layak untuk menghadiri sesi temu duga yang diadakan di Bangunan Casa 4, Majlis Sukan Negara (MSN) pada 20 dan 21 Jun 2022. Jumlah pemohon yang layak menerima tajaan Skim BSP pada tahun 2022 adalah seramai 103 orang di mana peringkat Diploma seramai 20 orang, manakala di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah seramai 83 orang.



Sesi pendaftaran temu duga BSP.



Sesi Taklimat kepada Panel Penemu duga BSP.

Hari Psikologi dan Hari Terbuka AKRAB KBS Tahun 2022

Hari Psikologi dan Hari Terbuka AKRAB telah dilaksanakan pada 23 November 2022 dengan kerjasama AKRAB KBS. Program ini telah berjalan dengan lancar dengan penyertaan seramai 160 orang peserta. Selain daripada perkongsian penceramah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), program turut disertai oleh pempamer-pempamer dari agensi-agensi Kerajaan. Berdasarkan laporan yang telah dijana oleh sistem eMYInd, penilaian program ini telah mencapai tahap skala cemerlang. Peserta juga berharap program ini diadakan lagi pada masa akan datang.



Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Encik Abdullah bin Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Kewangan



Bahagian Kewangan

Bahagian Kewangan yang diterajui oleh Setiausaha Bahagian, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred 54 bertanggungjawab menguruskan perbelanjaan di bawah peruntukan mengurus berpandukan perancangan yang dibuat dan peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Bahagian ini juga berperanan dalam memberikan khidmat sokongan kepada segala aktiviti dan program Kementerian bagi memastikan pelaksanaan yang teratur, cekap, berkesan dan berintegriti. Dengan kekuatan seramai 29 warga kerja, Cawangan dan Unit yang menjalankan fungsi-fungsi Bahagian adalah seperti berikut:

Cawangan Kewangan: terdiri daripada tiga (3) seksyen iaitu:

- Seksyen Belanjawan bertanggungjawab menguruskan Anggaran Belanja Mengurus (B.45) Kementerian;
- Seksyen Akaun bertanggungjawab menguruskan gaji, bayaran dan terimaan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Menara KBS; dan
- Seksyen Pentadbiran bertanggungjawab menyelaras urusan pentadbiran dalaman yang penting dalam Bahagian Kewangan.

Cawangan Perolehan bertanggungjawab memproses pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus Kementerian di samping memastikan semua perolehan Kementerian adalah teratur mengikut panduan dan pekeliling yang telah ditetapkan.

PENCAPAIAN 2022

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus B.45


KBS telah diluluskan peruntukan Belanja Mengurus (B.45) sebanyak **RM622,125,400.00**. Mengambil kira sekatan berjumlah RM14,500,000.00, peruntukan kemas kini B.45 adalah sebanyak RM607,525,400.00. Agihan mengikut program/aktiviti adalah seperti berikut:

Belanja Mengurus (B.45) sebanyak
RM622,125,400
telah diluluskan

Program/Aktiviti		Jumlah Peruntukan Mengurus Tahun 2022		
		Kelulusan Peruntukan (RM)	Sekatan/Tambahan (RM)	Peruntukan Kemas Kini (RM)
PENGURUSAN				
010100	Pengurusan Am	56,106,800.00	2,649,253.00	58,756,053.00
010200	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	16,156,000.00	-	16,156,000.00
010300	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)	1,942,200.00	-	1,942,200.00
PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN				
020100	Belia dan Sukan	103,948,500.00	683,047.00	104,631,547.00
020200	Pembangunan Kemahiran Belia	164,733,800.00	8,960,770.00	173,694,570.00
020300	Majlis Sukan Negara (MSN)	18,361,300.00	-	18,361,300.00
020400	Institut Sukan Negara (ISN)	16,534,000.00	-	16,534,000.00
020500	Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD)	31,682,200.00	(422,900.00)	31,259,300.00

PROGRAM KHUSUS				
030100	Bertugas Luar Negara	750,000.00	450,000.00	1,200,000.00
030200	Emolumen Kakitangan Kontrak (EKK)	20,445,100.00	(1,179,500.00)	19,265,600.00
030300	Hari Sukan Negara	2,700,000.00	(230,000.00)	2,470,000.00
030400	Penyelenggaraan Pejabat dan Kompleks Belia dan Sukan	6,000,000.00	-	6,000,000.00
030500	Penyelenggaraan Peralatan Latihan dan Bangunan IKBN	8,000,000.00	-	8,000,000.00
030600	Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak di Institut Latihan KBS	42,526,900.00	(11,557,870.00)	30,969,030.00
030700	Program Kemahiran Belia	3,115,000.00	(265,000.00)	2,850,000.00
030800	Elaun Pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia	20,733,600.00	(3,870,600.00)	16,863,000.00
030900	Program Belia dan Sukan	25,000,000.00	(885,000.00)	24,115,000.00
031000	<i>Malaysia Future Leaders School</i> (MFLS)	5,958,800.00	(605,000.00)	5,353,800.00
031100	Program Kluster i-LEAD	3,000,000.00	-	3,000,000.00
031200	Penyelenggaraan Kem Wawasan Negara	3,000,000.00	-	3,000,000.00
031300	Program Latihan dan Pembangunan Sukan MSN	59,500,000.00	(9,500,000.00)	50,000,000.00
031400	Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC)	4,500,000.00	-	4,500,000.00
031500	<i>International Youth Centre</i> (IYC)	2,000,000.00	-	2,000,000.00
031600	Impact Integrated (IM)	4,000,000.00	-	4,000,000.00
ONE-OFF				
JUMLAH		622,025,400.00	(14,500,000.00)	607,525,400.00

Berdasarkan laporan yang dijana pada akhir tahun 2022, prestasi keseluruhan perbelanjaan mengurus KBS berjumlah **RM603,298,755.85** atau **99.30%** daripada peruntukan kemas kini sebanyak RM607,525,400.00.



Bahagian Kewangan


Prestasi perbelanjaan mengikut program adalah seperti berikut:

Program	Peruntukan Kemas Kini (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Belanja	Baki (RM)	% Baki
Pengurusan	76,854,253.00	76,520,360.28	99.57	333,892.72	0.43
Pembangunan Belia dan Sukan	344,480,717.00	342,102,854.02	99.31	2,377,862.98	0.69
Program Khusus	183,586,430.00	182,085,590.49	99.18	1,500,839.51	0.82
One-Off	2,604,000.00	2,589,951.06	99.46	14,048.94	0.54
JUMLAH	607,525,400.00	603,298,755.85	99.30	4,226,644.15	1.16

Pencapaian prestasi belanja bersih peruntukan mengurus B.45 sebanyak 99.30% adalah melebihi daripada sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 98%.

Pengurusan Pembayaran


Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab memproses bayaran bil di peringkat PTJ Menara KBS. Jumlah keseluruhan bil yang telah diproses adalah sebanyak **4,837** bil dengan nilai keseluruhan **RM335,165,552.55**. Ringkasan laporan bil adalah seperti berikut:



Sehingga 31 Disember 2022, PTJ Bahagian Kewangan, KBS telah berjaya menyelesaikan 100% pembayaran bil-bil di bawah 14 hari.

Pengurusan Perolehan

Bagi pengurusan perolehan, Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuatkuasa. Selain itu, peranan Bahagian Kewangan merupakan medium perantara bagi segala urusan perolehan seperti memberikan khidmat nasihat, bantuan dan sokongan dalam memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan cemerlang. Selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa, semua proses perolehan bekalan/perkhidmatan dilaksanakan sepenuhnya melalui Sistem ePerolehan. Secara keseluruhan, PTJ Bahagian Kewangan, KBS telah melaksanakan perolehan melalui Sistem ePerolehan melibatkan nilai perolehan berjumlah **RM92,922,293.71**. Perincian lanjut mengenai kaedah dan nilai perolehan adalah seperti berikut:



AKTIVITI BAHAGIAN KEWANGAN TAHUN 2022

Kursus Pengurusan Perolehan Siri 1 Tahun 2022 (POL) (hibrid)

18 Mei 2022

9.00 pagi hingga 5.30 petang

Platform Google Meet (dalam talian) & Bilik Mesyuarat Aras 8, Menara KBS (fizikal)



Sesi Lawatan ke Impact Integrated bersama Kementerian Kewangan (MOF)

20 Mei 2022
3.00 hingga 5.00 petang
Spacerubix, Puchong, Selangor



Sesi Semakan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Tahun 2023 bersama Kementerian Kewangan (MOF)

13, 15 & 16 Jun 2022
Bilik Mesyuarat Aras 7, Menara KBS



**Taklimat Arahan Pegawai Pengawal (APP)
Kementerian Belia dan Sukan Zon Borneo**
22 hingga 24 Jun 2022
The Klagan Hotel, Kota Kinabalu, Sabah



Program Sesi Libat Urus/Perbincangan Sehari Bersama Bahagian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan
2 Ogos 2022
9.00 pagi hingga 5.30 petang
Ruang Legar, Bahagian Kewangan, Aras 7, Menara KBS



Sesi Perbincangan Belanjawan 2023

7 Oktober 2022

3.30 hingga 5.30 petang

Holding Room Bangunan Podium





LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Pembangunan



Bahagian Pembangunan


Bahagian Pembangunan diterajui oleh Setiausaha Bahagian, Gred M54 dengan kekuatan seramai 22 pegawai dan kakitangan. Bahagian ini terdiri daripada lima (5) unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Teknikal, Unit Penyelarasan, Unit Pemantauan dan Unit Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB).

Fungsi Bahagian ini adalah merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan KBS di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi.

Status Peruntukan Pembangunan (DE) KBS Bagi Tahun 2022

Sehingga 31 Disember 2022, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan (DE) KBS adalah sebanyak **RM274,333,100.00** atau bersamaan dengan **96.42 peratus**.

Status Peruntukan Pembangunan (DE) sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:



Pencapaian Kajian Penilaian Outcome Program/Projek Pembangunan

Sebanyak lima (5) program/projek telah dilaksanakan Kajian Penilaian *Outcome* bagi tahun 2022.


Senarai program/projek adalah seperti berikut:

Projek	Agensi/Bahagian
Program Penyediaan Atlet	Majlis Sukan Negara
Menaik Taraf Peralatan Latihan bagi Memenuhi Keperluan Pertukaran NOSS dan Menyediakan Latihan dengan Teknologi Terkini di IKBN Bachok	Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
Naik Taraf Peralatan Latihan bagi Memenuhi Keperluan Pertukaran NOSS dan Menyediakan Latihan dengan Teknologi Terkini IKBN Dusun Tua	Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
Naik Taraf Bumbung <i>Membrane</i> dan Membaik Pulih Struktur di Pusat Akuatik Nasional dan Laluan Pejalan Kaki, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil	Perbadanan Stadium Malaysia
Pembangunan Enam (6) Sukan Pilihan (Olahraga, Badminton, Renang, Skuasy, Tenpin Boling dan Berbasikal)	Majlis Sukan Negara

Status Pelaksanaan Projek Pembangunan *Rolling Plan* Kedua (RP2) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Pada tahun 2022, sebanyak 214 projek telah diluluskan merangkumi 145 projek sambungan dan 69 projek baharu. Daripada jumlah tersebut sebanyak 48 projek berstatus siap.

Status pelaksanaan projek sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:



Pelaksanaan Mesyuarat/Program/Lawatan Bahagian Pembangunan Bagi Tahun 2022

Pada tahun 2022, Bahagian Pembangunan telah berjaya melaksanakan mesyuarat/program/lawatan seperti berikut:

Mesyuarat/Program/Lawatan	Jumlah
Mesyuarat Tapak, Lawatan Pemantauan Projek, Perasmian dan Pecah Tanah Projek	109
Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) Kementerian Belia dan Sukan	12
Mesyuarat Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT)/Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja (APK)/Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kuantiti Sementara (KKS)/Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK)/Mesyuarat Jawatankuasa Wang Peruntukan Sementara (WPS)	5
Mesyuarat Jawatankuasa Projek Kecil.	4
Mesyuarat <i>Contract Coordination Panel</i> (CCP)	1
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tanah (JPTK) Kementerian Belia dan Sukan	1



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Akaun



Bahagian Akaun

Bahagian Akaun ditubuhkan bagi melaksanakan fungsi pejabat perakaunan di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) supaya lebih teratur, cekap dan berkesan. Bahagian Akaun, KBS mempunyai jumlah perjawatan seramai 20 orang yang diterajui oleh Ketua Akauntan Gred WA54. Empat (4) seksyen yang ditubuhkan di bawah Bahagian Akaun KBS iaitu Seksyen Perakaunan Pengurusan, Seksyen Perundingan dan Pemantauan, Seksyen Perakaunan Kewangan dan Seksyen Pentadbiran Kewangan.

PROGRAM DAN AKTIVITI

Penyata Kewangan Kementerian Belia dan Sukan 2021

Sesi Pembentangan dan Tandatangan Penyata Kewangan Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2021 oleh Ketua Setiausaha

- Telah diadakan pada 8 April 2022



Mesyuarat Berkala yang Dipengerusikan oleh KSU

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JPPA)

- JPPA Bilangan 1 Tahun 2022 telah diadakan pada 4 Ogos 2022.
- JPPA Bilangan 2 Tahun 2022 telah diadakan pada 8 Disember 2022.



Mesyuarat Jawatankuasa Pemantau *Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA)*

- JPPA Bilangan 1 Tahun 2022 telah diadakan pada 4 Ogos 2022.
- JPPA Bilangan 2 Tahun 2022 telah diadakan pada 8 Disember 2022.



Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan di Pusat Tanggungjawab

- Jabatan Belia dan Sukan WP Kuala Lumpur 14 hingga 18 Februari 2022.
- Akademi Kenegaraan 22 hingga 25 Mac 2022.
- Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia 20 hingga 25 April 2022
- Institut Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) 13 hingga 17 Jun 2022.
- Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia 22 hingga 26 Ogos 2022.
- Bahagian Kewangan Kementerian Belia dan Sukan 26 September hingga 7 Oktober 2022.
- Jabatan Belia Sukan Negara 25 Oktober hingga 04 November 2022.

Objektif Naziran

Objektif pelaksanaan naziran adalah untuk mengkaji, memeriksa dan menilai prosedur pematuhan perakaunan akruan oleh PTJ bagi tujuan kawalan dalaman dan pematuhan di Jabatan. Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan dilaksanakan selaras dengan kewajipan Akauntan Negara di bawah Arahan Perbendaharan (AP) 138 dan AP139 serta Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 2019 mengenai pengawasan yang sesuai diadakan untuk mengelakkan kehilangan kerana penipuan dan kecuaiian di Jabatan dengan penyeliaan am Pegawai Pengawal.

Secara amnya, objektif naziran di KBS adalah bagi:

Aset

- Memastikan pematuhan PTJ terhadap Piawaian Perakaunan Akruan di bawah MPSAS 17 (Hartanah, Loji dan Peralatan) berkaitan aset;
- mengenal pasti isu dan masalah yang mungkin berlaku setelah PTJ melaksanakan proses pengiktirafan aset dan belanja mengikut perakaunan akruan mulai tahun 2018; dan
- membantu dan memberi khidmat nasihat kepada PTJ berkaitan pengiktirafan aset mengikut Perakaunan Akruan.

Belanja

- Memastikan PTJ mematuhi semua peruntukan undang-undang, piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan yang berkuatkuasa;
- membantu dan memberi khidmat nasihat mengenai piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan kepada PTJ bagi memastikan PTJ mengambil tindakan ke atas penemuan naziran untuk mengelakkan teguran berulang;
- memantau dan membimbing secara berterusan bagi memantapkan kefahaman PTJ terhadap piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan; dan
- melaporkan kepada Ketua PTJ atau Pegawai Pengawal di atas apa-apa penemuan luar aturan yang matan (AP138(b)(iii)).

Latihan/Kursus Anjuran Bahagian Akaun.

Kursus iGFMAS kepada *End User*: Modul MyCost

Diadakan pada 7 hingga 9 Februari 2022 bertempat di Bilik Komputer Aras 14, Menara KBS. Kehadiran peserta adalah seramai 22 orang yang terdiri daripada 12 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan perakaunan aset.

Objektif/Matlamat Kursus:

- Memberi pendedahan kepada fungsi-fungsi Sistem iGFMAS berkaitan Perakaunan Aset; dan
- meningkatkan pengetahuan dan kefahaman penggunaan Modul Perakaunan dan penyesuaian Aset di Sistem iGFMAS.



Kursus iGFMAS kepada *End User*: Modul MyCost

Diadakan pada 22 Mac 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 2, Menara KBS. Kehadiran adalah seramai 12 orang peserta yang terdiri dari 5 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan yang akan mengguna pakai Sistem MyCost bagi merekodkan dan melaporkan maklumat pengekosan di PTJ.

Kursus iGFMAS kepada *End User*: Perakaunan Aset Siri II

Diadakan pada 9 hingga 11 Ogos 2022 bertempat di Bilik Komputer Aras 14, Menara KBS. Kehadiran peserta adalah seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada 27 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan perakaunan aset.



Kursus iGFMAS kepada *End User*: Modul MyCost - Zon Utara

Diadakan pada 22 Ogos 2022 bertempat di Bilik Komputer Aras 14, Menara KBS. Kehadiran peserta adalah seramai 14 orang peserta yang terdiri daripada 6 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan yang akan mengguna pakai Sistem MyCost bagi merekodkan dan melaporkan maklumat pengekosan di PTJ.

Kursus Perakaunan dan Kewangan Pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan

Diadakan pada 6 hingga 8 November 2022 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Selangor. Kursus ini telah dihadiri oleh 67 orang peserta yang terdiri daripada 28 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat secara langsung dalam pengurusan akaun dan kewangan di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Belia dan Sukan.



LAPORAN SEKTOR

PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan Maklumat



Bahagian Pengurusan Maklumat

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) merupakan bahagian di bawah Sektor Pengurusan yang memberikan khidmat sokongan teknologi maklumat secara efektif ke arah meningkatkan kualiti dan juga kepuasan pelanggan KBS.

BPM mempunyai 31 orang warga kerja di yang bertempat di Menara KBS berperanan memberi sokongan dan khidmat teknikal kepada semua bahagian di Menara KBS serta rundingan ICT kepada Agensi di bawah KBS.

Sebelum ini, BPM merupakan sebuah unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan. Setelah dijadikan sebagai bahagian, BPM kini menjadi peneraju utama ICT di KBS dengan menubuhkan jawatankuasa yang berperanan memantau projek-projek ICT di KBS. Selain itu, BPM juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat dalam projek-projek ICT serta merancang program-program ICT bagi Kementerian dan Agensi di bawahnya.

Bergerak ke hadapan, BPM sentiasa memberikan kerjasama yang terbaik dalam menjayakan agenda pemerkasaan belia dan sukan. Pelaksanaan projek melibatkan aplikasi, infrastruktur dan juga tadbir urus adalah dirangka bagi mencapai sasaran dan aspirasi yang ditetapkan pengurusan tertinggi KBS.

PROGRAM DAN AKTIVITI

Program Kesedaran ICT

Program ini telah dilaksanakan pada 27 Oktober 2022 di *Holding Room* , Bangunan CAAM serta Kafe Bike & Beans, Menara KBS dan juga secara telesidang yang melibatkan agensi di bawah KBS. Ia merupakan satu inisiatif BPM bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada Warga KBS mengenai keselamatan ICT agar langkah-langkah keselamatan yang terkandung di dalam Dasar Keselamatan ICT (DKICT) dapat dipatuhi serta kadar insiden melibatkan keselamatan ICT dapat dikurangkan. Program ini telah dirasmikan oleh YBr. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat, Puan Noraida binti Mohd Nadzir merangkap Pengurus ICT KBS dan Majlis Penutup dilaksanakan oleh YBr. Timbalan Setiausaha (Pengurusan), Encik Abdullah bin Hasan merangkap Ketua Pegawai Digital (CDO) KBS. Seramai 100 orang kakitangan ibu pejabat KBS turut sama menjayakan program ini. Pelbagai siri ceramah dan juga taklimat telah disampaikan daripada pelbagai agensi bagi memberi pendedahan kepada warga KBS.



Pegawai dan kakitangan BPM yang menjayakan program Keselamatan ICT KBS bersama Ketua Pegawai Digital (CDO).

eKlinik Data Terbuka KBS

Program ini telah dilaksanakan pada 24 Februari 2022 secara telesidang. Program ini merupakan inisiatif bimbingan, perkongsian pandangan serta pertanyaan secara maya yang melibatkan Seksyen Data Terbuka MAMPU bersama pembekal data Portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) iaitu Pentadbir dan Editor bagi setiap Kementerian dan Agensi di bawah KBS. Selain itu, sesi ini bertujuan untuk mengekalkan KBS dan Agensi di bawahnya dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti set Data Terbuka bagi diterbitkan di platform Data Terbuka. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan penghasilan produk berinovasi berasaskan data serta memenuhi keperluan *data on demand* kepada pengguna. Program ini telah dihadiri oleh wakil-wakil Bahagian dan juga Agensi di bawah KBS seramai 25 orang. eKlinik ini telah dipengerusikan oleh YBr. Tuan Haji Fauzi bin Elham@Alhim selaku Pengurus ICT Kementerian.

Bengkel Pelan Tindakan bagi Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan KBS (PSPKBS) Tahun 2022 - 2025

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan Fasa 3 telah diadakan pada 19 hingga 21 Oktober 2022 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur. Bengkel ini dirasmikan oleh YBr. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat, Puan Noraida binti Mohd Nadzir. Seramai 50 orang peserta dari Bahagian dan Agensi di bawah KBS menghadiri bengkel ini.

Bengkel ini dilaksanakan secara khidmat runding dengan Pasukan Perunding ICT MAMPU yang diketuai oleh Ketua Perunding ICT MAMPU, Puan Siti Sapura binti Raffee. Pelan ini dibangunkan bersama-sama Agensi di bawah KBS bagi menghasilkan program-program dan juga aktiviti-aktiviti ICT melibatkan Kementerian dan Agensi dalam satu (1) dokumen yang akan dijadikan sebagai asas serta dokumen rujukan utama Kementerian.



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan



Bahagian Khidmat Pengurusan

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran am termasuk merancang dan memantau kontraktor yang menyelenggara fasiliti bangunan dan sewaan ruang pejabat serta komersial, pengurusan logistik dan kenderaan, inovasi dan kualiti, pengurusan aset alih, pengurusan rekod, pengurusan keselamatan perlindungan, pengurusan taska dan operasi pusat sumber Kementerian.

Dalam menjalankan fungsinya, BKP mempunyai visi untuk memberikan perkhidmatan sokongan pentadbiran yang cekap, berkesan dan adil kepada pelanggan dalaman dan luaran Kementerian bagi memastikan aktiviti dan program pembangunan belia dan sukan berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat. Visi ini bertetapan dan selari dengan objektif BKP iaitu untuk memberi kemudahan perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran am yang berkualiti ke arah memperkasakan belia dan sukan secara holistik bagi memenuhi aspirasi Kementerian.

PROGRAM DAN AKTIVITI

Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih, Aset Tidak Ketara, Aset Hidup dan Stor Kerajaan Siri I dan Siri II

Aset alih bermaksud aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk aset alih yang dibekalkan berserta dengan penyediaan bangunan atau infrastruktur lain. Aset alih perlu diuruskan mengikut tatacara dan panduan yang telah ditetapkan meliputi penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pindahan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira.

Bagi meningkatkan kefahaman tentang pengurusan aset dan stor di KBS, BKP melalui Unit Aset telah menganjurkan Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih, Aset Tidak Ketara, Aset Hidup dan Stor Kerajaan Siri I (Bilik Mesyuarat Aras 4, KBS) dan Siri II Bilik Seminar, Majlis Sukan Negara (MSN) Bukit Jalil) pada 30 Mac – 1 April 2022 dan 10 – 12 Ogos 2022. Kursus ini dihadiri oleh 48 peserta bagi Sesi I dan 35 peserta bagi sesi II.

Sepanjang kursus ini berlangsung, para peserta didedahkan dengan Tatacara Pengurusan Aset Alih, Aset Tidak Ketara, Aset Hidup dan Stor Kerajaan yang betul dan baik, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan bagi memastikan aset kerajaan dapat diurus mengikut peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

Forum Kemerdekaan: “Peranan dan Pengorbanan Pejuang Kemerdekaan untuk Generasi Masa Kini”

Unit Pusat Sumber KBS di dalam fungsinya menyebarkan ilmu pengetahuan dan kefahaman kepada warga KBS telah menganjurkan Forum Kemerdekaan “Peranan dan Pengorbanan Pejuang Kemerdekaan untuk Generasi Masa Kini” yang bertujuan menyemarakkan semangat patriotik di kalangan warga KBS.

Menyedari kemajuan yang dikecapi rakyat kini adalah hasil keperitan orang dahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air, maka tajuk ini dipilih supaya generasi kini kembali semula mengenang jasa dan pengorbanan orang dahulu dalam membebaskan dan memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Forum ini diadakan pada 23 Ogos 2022 bertempat di Dewan Podium KBS dan telah berjaya menarik penyertaan lebih dari 100 orang warga KBS.

Forum ini telah dirasmikan oleh Encik Abdullah bin Hasan selaku Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) manakala Unit Pusat Sumber telah mengundang YBhg. Dr. Mohd Shazwan bin Mokhtar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Encik Norsauful Irwan Shah bin Alias dari Institut Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) sebagai panel forum dan Encik Norzilam bin Mohamed dari i-LEAD selaku moderator.

Bengkel Pelupusan Rekod Kementerian Belia dan Sukan 2022

Unit Pusat Sumber KBS di dalam fungsinya menyebarkan luas ilmu pengetahuan dan kefahaman kepada warga KBS Unit Registri dan Rekod merupakan urus setia Jawatankuasa Pengurusan Rekod Kementerian. Menyedari kepentingan pelupusan rekod, BKP melalui Unit Registri dan Rekod telah menganjurkan Bengkel Pelupusan Rekod Kementerian Belia dan Sukan 2022 pada 16 dan 17 November 2022 bertempat di Bilik Seminar, Majlis Sukan Negara. Bengkel ini diadakan selama tiga (3) hari dan telah dihadiri oleh Puan Siti Khadijah binti Baharudin selaku penceramah dari Seksyen Pelupusan Rekod, Bahagian Rekod Kerajaan, Arkib Negara Malaysia.



Sesi taklimat Panduan Pelupusan Rekod dari Puan Siti Khadijah binti Baharudin dari Arkib Negara Malaysia.

Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) yang telah dilantik berkaitan dengan konsep dan perundangan pelupusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003. Menyedari kepentingan pengurusan rekod yang sistematik, BKP komited melaksanakan bengkel ini dan mengaplikasikan proses pelupusan rekod yang betul mengikut ketetapan yang digariskan oleh Arkib Negara Malaysia. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang bengkel ini ialah sesi taklimat berkaitan dengan prosedur dan tatacara permohonan pelupusan rekod awam serta latihan praktikal pemusnahan selepas mendapat kebenaran bertulis dari Arkib Negara Malaysia.



Sesi taklimat dari Pegawai Arkib kepada peserta Kursus Asas Pengurusan Rekod.

Kursus Asas Pengurusan Rekod Kementerian Belia dan Sukan

Rekod adalah penting dalam urusan pentadbiran kerajaan. Ia merupakan asas kepada akauntabiliti kerajaan kerana mengandungi perancangan, keputusan, program dan aktiviti kerajaan. Rekod diperlukan semasa pewujudan dan penggunaannya bagi melaksanakan operasi, pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan oleh pejabat awam, malah kekal menjadi aset intelektual kepada rujukan dan penyelidikan generasi yang akan datang.

Menyedari kepentingan pengurusan rekod di KBS, BKP menganjurkan Kursus Asas Pengurusan Rekod di Bilik Seminar, IKTBN Sepang pada 2 dan 3 November 2022. Kursus ini dihadiri oleh Puan Qahera binti Alian dan Puan Zulaikha binti Abd Halim dari Seksyen Konsultansi dan Latihan, Arkib Negara Malaysia selaku penceramah dan fasilitator. Dengan penganjuran kursus ini, diharapkan pengurusan rekod di KBS bertambah baik agar rekod boleh dipelihara dari mula pewujudannya sehinggalah ke peringkat pelupusan. Kursus ini juga diharapkan dapat menambah kemahiran dan pengetahuan warga KBS dalam mengendalikan rekod awam.

Majlis Penghargaan Taska Permata KBS Tahun 2022

Majlis Penghargaan Taska Permata KBS 2022 yang bertemakan *What You Want To Be, When You Grow Up?* diadakan bagi meraikan 29 orang kanak-kanak berumur 4 tahun yang telah menamatkan sesi pendidikan awal kanak-kanak di Taska Permata KBS pada 23 Disember 2022 di Dewan Serbaguna, Menara KBS.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Poovai Karuppana, Pengerusi Puspanita Cawangan KBS dan YBrs. Encik Richard Barahim, Pengerusi Taska Permata KBS. Pemilihan tema pakaian dan persembahan *What You Want To Be, When You Grow Up?* dipilih kerana sinonim dengan kanak-kanak selain merangsang daya fikiran dan imaginasi mereka. Semasa majlis tersebut, kanak-kanak ini menggayakan pakaian mengikut cita-cita dan minat melalui penggayaan watak kerjaya seperti doktor, bomba, askar, guru dan polis. Penganjuran majlis ini dilihat mampu mengeratkan kerjasama antara Kementerian, Puspanita, taska dan ibu bapa.

Kursus Kunci Masuk myPortfolio dalam HRMIS bagi Bahagian/Jabatan/Agensi

MyPortfolio adalah satu kaedah pengurusan ilmu yang memberikan penekanan kepada pengupayaan minda setiap penjawat awam dalam kerangka organisasi pembelajaran (learning organisation) yang dibangunkan oleh MAMPU. Penguncian masuk myPortfolio dalam HRMIS merupakan KPI KSU dan setiap warga Kementerian perlu menyelesaikan proses kunci masuk myPortfolio pada penghujung Disember. Justeru, BKP melalui Unit Inovasi dan Kualiti telah mengadakan Kursus Kunci Masuk myPortfolio dalam HRMIS bagi Bahagian/Jabatan/Agensi KBS pada 23 dan 24 November 2022 di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Sepang.



Kursus Kunci Masuk myPortfolio dalam HRMIS.



En Sulaiman bin Said menyampaikan cenderahati kepada Penceramah dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kursus Pemanduan Cemerlang

Kursus Pemanduan Cemerlang anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) telah diadakan pada 10 Ogos 2022 bertempat di SIC. Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sukan, JBSN dan *Sepang International Circuit* (SIC). Kursus ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran memandu dan memberikan pendedahan kepada peserta mengenai kaedah kawalan kenderaan ketika berada di dalam keadaan kecemasan.



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Unit Komunikasi Korporat

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet berkenaan Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK) Siri 61 Bil. 2/2008 pada 22 September 2008 telah memutuskan pewujudan Unit Komunikasi Korporat (UKK) di setiap kementerian. Penubuhan UKK bertujuan untuk memelihara dan meningkatkan imej kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur serta mempromosikan acara dan kempen rasmi melalui media kerajaan.

FUNGSI

- Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti, promosi dan kempen bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti serta majlis rasmi kementerian/agensi melalui stesen TV dan radio; bahan promosi seperti gegantung (bunting), kain rentang (banner) dan billboard; artikel untuk sisipan akhbar; teks ucapan; dan program-program kementerian/agensi.
- Menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang berkaitan dengan kementerian/agensi.
- Memantau dan memberikan respons terhadap trend penyebaran maklumat melalui media massa, menyediakan bahan-bahan kempen berbentuk penulisan, laporan, penerbitan dan montaj bersesuaian untuk dimuatkan dalam portal kementerian.
- Mengurus maklumat strategik mengenai analisis trend media dan persepsi rakyat berkaitan isu-isu semasa dikemukakan secara tepat dan konsisten dan merancang cadangan pelan intervensi untuk dikemukakan kepada pemegang taruh bagi membantu menangani isu-isu semasa secara proaktif dan berkesan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

UKK telah melaksanakan dua (2) latihan berkaitan pengurusan media dan aduan bagi meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai KBS dan agensi yang terlibat dalam hal ehwal korporat dan pengurusan strategik. Berikut adalah senarai kursus yang telah dilaksanakan bagi tahun 2022.

Bil.	Kursus/Bengkel	Tarikh	Tempat
1	Bengkel Pengurusan Komunikasi Strategik	14 & 15 November 2022	Putrajaya International Convention Center (PICC)
2	Bengkel Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)	17 November 2022	Bilik Latihan ICT, Biro Pengaduan Awam, JPM




Penceramah program meneliti pegawai yang terlibat dalam kursus.

PRESTASI ADUAN

UKK merupakan penyelaras utama aduan KBS. Jumlah aduan/pertanyaan yang diterima menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), Biro Pengaduan Awam bagi tahun 2022 adalah sebanyak 243 kes. KBS telah mencapai sebanyak 100% penyelesaian aduan/pertanyaan. Jumlah aduan/pertanyaan yang diterima adalah seperti berikut:

Bahagian/Jabatan/Agensi	Aduan Terima	Aduan Selesai	Dalam Tindakan
Pesuruhjaya Sukan	119	119	-
Jabatan Belia dan Sukan Negara	41	41	-
Majlis Sukan Negara	25	25	-
Perbadanan Stadium Malaysia	19	19	-
Unit Komunikasi Korporat	11	11	-
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia	10	10	-
Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia	5	5	-
Unit Integriti	3	3	-
Institut Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan (i-Lead)	2		-
Pusat Belia Antarabangsa	2	2	-
Sepang International Circuit	2	2	-
Institut Sukan Negara	1	1	-
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES)	1	1	-
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1	1	-
Bahagian Pengurusan Maklumat	1	1	-
JUMLAH ADUAN	243	243	-

Lain-lain





UNIT ANTI-DOPING MALAYSIA (ADAMAS)



Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)

Pada tahun 2003, Kerajaan Malaysia telah menandatangani Deklarasi Copenhagen terhadap *anti-doping* dalam sukan bagi menzahirkan komitmen terhadap usaha menangani gejala penggunaan bahan terlarang dalam sukan. Deklarasi ini telah dipersetujui oleh pelbagai kerajaan termasuk Kerajaan Malaysia di *Second World Conference on Doping in Sport* yang telah diadakan di Copenhagen, Denmark pada Mac 2003.

Unit *Anti-Doping* Malaysia (ADAMAS) komited dan bertanggungjawab di dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dengan misi memelihara integriti sukan bebas daripada *doping* dan tekun berusaha ke arah mewujudkan persaingan yang adil, sihat serta memartabatkan semangat kesukanan yang tulen dalam kalangan atlet serta secara tidak langsung memastikan negara tidak tersenarai sebagai *non-compliance state* dengan sentiasa patuh kepada *World Anti-Doping Code 2021* dan *UNESCO International Convention Against Doping in Sport*. Antara fungsi utama ADAMAS adalah:

- Bertanggungjawab dalam pembangunan dan pelaksanaan program pendidikan secara komprehensif.
- Bertanggungjawab dalam pelaksanaan ujian *anti-doping* yang menyeluruh di semua peringkat.
- Menjalinkan hubungan kerja yang kukuh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Penyelarasan pengecualian kepada penggunaan terapeutik; dan konsultasi pengurusan keputusan bagi kes-kes positif di dalam doping.

PELAKSANAAN PROGRAM 2022

Seminar Pendidikan *Anti-Doping* 2022

Seminar Pendidikan *Anti-Doping* telah dirancang sebanyak 10 program pada tahun 2022 yang melibatkan 800 orang peserta dari persekutuan/persatuan sukan kebangsaan. Namun, hanya sembilan (9) program sahaja yang dapat dilaksanakan dengan jumlah penyertaan 1,376 orang peserta dari atlet dan kumpulan sokongan atlet persekutuan/persatuan sukan kebangsaan. Seminar atau taklimat pendidikan ini dilaksanakan juga kepada atlet-atlet negara yang bakal mewakili negara ke Kejohanan Sukan Sea 2021, atlet negeri yang akan menyertai Sukan Malaysia (SUKMA), PARA SUKMA dan Sukan IPT (SUKIPT). Selain dari itu, terdapat juga penglibatan dari atlet rekreasi yang melibatkan taklimat pendidikan asas *anti-doping*.



Seminar Pendidikan *Anti-Doping* kepada Atlet Pekak Malaysia yang bakal bertanding di kejohanan 24th Deaflympics Games Tenpin Bowling Competition, 1st SEA Deaf Games 2022 dan 1st DIFA World Deaf Futsal U21 Cup.



Seminar Pendidikan *Anti-Doping* Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia (MSDeaf).

Program Outreach ADAMAS

Sebanyak lima (5) Program *Outreach* ADAMAS telah dilaksanakan dengan penglibatan kerjasama beberapa agensi seperti Jabatan Belia Sukan Negara. Antara program *outreach* yang telah disertai termasuklah :

- Hari Belia Negara (HBN) di Tuaran, Sabah. *Outreach* ADAMAS turut menyertai pameran pendidikan sempena HBN dan pengunjung yang hadir seramai 500 orang.
- Hari Sukan Negara (HSN) yang bertempat di Putrajaya, turut melibatkan penyertaan dari ADAMAS dengan mempamerkan bahan-bahan pendidikan. Seramai 500 orang hadir ke *booth* ADAMAS semasa *outreach* dilaksanakan di HSN 2022.
- Temasya Sukan Malaysia XX, MSN 2022 (SUKMA) dan PARA SUKMA XX MSN 2022. Sempena Sukan Malaysia XX, MSN 2022 (SUKMA), ADAMAS telah menempatkan 5 *booth* pameran di lokasi-lokasi terpilih seperti Hotel Tenera, Pusat Akuatik Nasional, Stadium Mini Bukit Jalil, Kompleks Kejiranan Presint 11 dan Velodrom Nasional Nilai. Usaha ini membolehkan penyampaian maklumat *anti-doping* disampaikan secara terus kepada atlet, kumpulan sokongan atlet mahupun atlet rekreasi. Sambutan yang diterima amat meberangsangkan, dianggarkan jumlah pengunjung mencapai 1,500 ke 2,000 orang telah hadir ke Temasya tersebut.



Outreach sempena Temasya Sukan Malaysia XX MSN 2022.



Outreach sempena Temasya Sukan Malaysia XX MSN 2022.

Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)



Outreach sempena Para SUKMA XX MSN 2022.



Outreach sempena Hari Belia Negara.

Bengkel Pengurusan Keputusan

Bengkel Pengurusan Keputusan telah dilaksanakan di Bilik Seminar KBS yang melibatkan 20 orang daripada Jawatankuasa Pengurusan Keputusan, Pegawai KBS dan pegawai dari ADAMAS. Mr. Thomas Delaye Fortin dari *Badminton World Federation* merupakan tenaga pengajar bagi bengkel ini. Objektif bengkel ini adalah untuk memastikan maklumat diperolehi secara tepat agar penyelesaian kes ADAMAS dapat diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan mengikut piawaian antarabangsa pengurusan keputusan.



Bengkel Akreditasi & Refresher DCO dan Bengkel Pegawai Kawalan Doping (DCO)

Bagi memastikan Pegawai Kawalan Doping ADAMAS berada di tahap yang mengikut Garis Piawaian Antarabangsa, Bengkel Akreditasi & Refresher DCO ini telah diadakan pada 16 – 18 Februari 2022 dengan melibatkan 41 orang Pegawai Kawalan Doping ADAMAS. Bengkel ini bertujuan untuk memastikan Pegawai Kawalan Doping ADAMAS yang telah dilantik, diakreditasi oleh ADAMAS bagi tempoh dua tahun sekali. Selain daripada itu, pengambilan Pegawai Kawalan Doping ADAMAS yang baru juga dilaksanakan di dalam Bengkel Pegawai Kawalan Doping pada 22 hingga 24 Mac 2022 yang melibatkan 24 orang pegawai KBS dari seluruh Malaysia yang bertugas di Jabatan Belia Sukan Negeri-negeri. Kedua-dua bengkel ini dilaksanakan di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur.



Bengkel Refresher Educator (Pendidik) ADAMAS

Bengkel *Refresher Educator* (Pendidik) ADAMAS telah dilaksanakan di MyAngkasa Akademi Langkawi, Kedah Darul Aman yang melibatkan 26 orang *Educator* ADAMAS dari Majlis Sukan Negeri seluruh Malaysia. Bengkel ini bertujuan untuk memastikan para *educators* mendapat maklumat terkini dan memperoleh latihan sebagai penyampai maklumat pendidikan *anti-doping* dengan betul dan tepat mengikut garis piawaian yang telah ditetapkan oleh *World Anti-Doping Agency* (WADA).



Pematuhan kepada *World Anti-Doping Code 2021: Code Compliance Questionnaire (CCQ)*

Telah menjadi tanggungjawab ADAMAS untuk memberikan maklum balas kepada *Code Compliance Questionnaire (CCQ)* sebagai pematuhan kepada *World Anti-Doping Code 2021*. ADAMAS telah diminta untuk menjawab 226 soalan dalam tempoh tiga (3) bulan bermula 24 Mei 2022 hingga 24 Ogos 2022 yang melibatkan enam (6) topik yang merangkumi aspek governan *National Anti-Doping Organization (NADO)*, pengujian, pendidikan, pengurusan keputusan, dan privasi.

ADAMAS telah mengemukakan maklum balas kepada semua soalan-soalan dalam *Code Compliance Questionnaire (CCQ)* (100%) dalam tempoh yang diberikan iaitu 24 Mei 2022 hingga 20 Julai 2022. Cabaran yang dihadapi oleh ADAMAS dalam melalui proses CCQ ini adalah ADAMAS mempunyai pasukan kerja yang baharu sejak November 2019 dan pembangunan kapasiti/latihan pegawai-pegawai ADAMAS masih perlu dipertingkatkan.



Mr. Gobinathan Nair, *Director General South East Asia Regional Anti-Doping (SEARADO)* hadir ke ADAMAS untuk membuat semakan akhir di bawah *Code Compliance Questionnaire (CCQ)*.

Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)

Priority Country Project Plan 2021

ADAMAS telah melaksanakan kerjasama bersama WADA dan *South East Asia Regional Anti-Doping (SEARADO)* bagi memastikan pembangunan program *anti-doping* adalah selaras dengan Kod *Anti-Doping* Dunia. Memandangkan ADAMAS mempunyai pasukan kerja baharu sejak November 2019 dan pembangunan kapasiti/latihan pegawai-pegawai ADAMAS perlu diutamakan di samping mengukuhkan aspek tadbir urus ADAMAS. Terdapat tujuh (7) objektif yang merangkumi pembangunan proses tadbir urus, pematuhan, pendidikan, pengujian kawalan *doping* dan pengurusan keputusan yang perlu dipatuhi oleh pihak ADAMAS dalam tempoh setahun bermula Mei 2021. Pada Mei 2022, ADAMAS telah berjaya memenuhi kesemua tujuh (7) aspek yang diperlukan bagi memastikan ADAMAS berada di landasan yang betul dan menepati piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan.



Pengujian dan Siasatan (*Testing & Investigations*)

- i. Ujian kawalan *doping* dijalankan untuk memperolehi bukti analitikal sama ada atlet telah melanggar peraturan *anti-doping* iaitu *Anti-Doping Rule Violation 2.1: Presence of prohibited substance or its metabolites or markers in an athlete's sample* atau *Anti-Doping Rule Violation 2.2: Use or attempted to use by an athlete of a prohibited substance or a prohibited method*.
- ii. Sejalan dengan *World Anti-Doping Code* Artikel 5, setiap *National Anti-Doping Organization* iaitu Unit *Anti-Doping* Malaysia (ADAMAS) bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan ujian kawalan *doping* secara bijak yang bersesuaian dengan risiko *doping* dalam kalangan atlet di bawah bidang kuasanya dan seterusnya mengesan dan menghalang amalan *doping*. Prinsip *smart-testing* digunakan bagi memastikan ujian kawalan *doping* dijalankan kepada atlet yang tepat, bahan yang tepat dan pada masa yang tepat (*the right athlete, the right substance at the right time*). *Smart testing* ini merangkumi ujian urin dan darah, *Athlete Biological Passport* dan profil steroid.
- iii. ADAMAS telah menyediakan Penjangkaan Risiko (*Risk Assessment*) dan membangunkan Pelan Agihan Ujian (*Test Distribution Plan*) bagi perancangan pelaksanaan ujian *doping* (sampel urin dan darah) secara komprehensif bagi ujian dalam pertandingan (*In-Competition Testing*) dan ujian *doping* di luar pertandingan (*Out-of-Competition Testing*).
- iv. *Athlete Biological Passport* (ABP) merupakan salah satu cara yang sangat berkesan dalam mensasarkan ujian *anti-doping* yang strategik yang mana ia membolehkan pengenalpastian atlet untuk ujian sasaran analisis tertentu melalui penafsiran data yang bijak, tepat pada masanya dan juga salah satu cara yang berdaya maju untuk mengaitkan atlet dalam kesalahan *Anti-doping* (*Anti-Doping Rule Violation 2.2*). Terdapat dua modul yang akan dianalisis dalam *Athlete Biological Passport* (ABP) iaitu modul *Haematological* (membolehkan mengenal pasti bahan atau kaedah terlarang yang digunakan dalam *blood doping*) dan modul *Steroid* (membolehkan mengenal pasti penggunaan *exogenous anabolic steroid*).
- v. ADAMAS juga bekerjasama dengan *Ghent University Laboratory* sebagai *Athlete Passport Management Unit* (APMU) yang akan membantu dan bekerjasama dengan ADAMAS dalam mentadbir data di dalam *Athlete Biological Passport* (ABP), menasihati serta membantu ADAMAS daripada segi *intelligence* dalam menentukan ujian sasaran.

- vi. ADAMAS sentiasa mengadakan hubungan dan kerjasama baik dengan Persekutuan Sukan Antarabangsa dan Organisasi *Anti-Doping* (ADO) yang lain dalam memastikan program pengujian kawalan doping dilaksanakan secara efektif dan bersasar sebagaimana yang dinyatakan dalam *International Standard for Testing and Investigations* (ISTI) Artikel 4.9.1. Ini termasuk pengujian kawalan *doping* menjelang kejohanan Antarabangsa melibatkan atlet yang berada dalam *ranking* terbaik kejohanan/dunia.

Jumlah pengujian mengikut sukan

Sukan	<i>In-Comp</i>	<i>OOO</i>	Jumlah
<i>Aquatics</i>	37	13	50
<i>Archery</i>	12	16	28
<i>Athletics</i>	80	12	92
Badminton	14	10	24
<i>Boccia</i>	2		2
<i>Bodybuilding</i>		10	10
<i>Boxing</i>	12	6	18
<i>Cycling</i>	30		30
<i>Electronic Sports</i>		4	4
<i>Field Hockey</i>	10		10
<i>Football</i>	8		8
Karate	13	13	26
<i>Muaythai</i>	16		16
<i>Para-Athletics</i>	12		12
<i>Para-Powerlifting</i>	4		4
<i>Para-Swimming</i>	4		4
Pencak Silat	45	4	49
<i>Powerlifting</i>	15		15
<i>Rugby Union</i>	11		11
Sepak Takraw	11		11
<i>Shooting</i>	18	6	24
<i>Squash</i>	4	4	8
<i>Table Tennis</i>		4	4
Taekwondo	2	3	5
<i>Tennis</i>	8		8
<i>Volleyball</i>		4	4
<i>Weightlifting</i>	25	149	174
Wushu	10	8	18
Jumlah Keseluruhan	403	266	669



Pegawai Pengumpulan Sampel ADAMAS

Seramai 74 orang Pegawai Pengumpulan Sampel atau *Doping Control Officer* telah membantu kejayaan dan keberkesanan program pengujian kawalan doping (*smart testing*) dengan memastikan prosedur dilaksanakan dengan baik, selaras dengan piawaian Antarabangsa. Semua DCO perlu menjalani penilaian semula status akreditasi setiap dua (2) tahun sekali.

16 DCO ADAMAS yang telah lulus dalam Program Latihan Pensijilan *International Doping Control Officer* (IDCO) yang dikendalikan oleh *International Testing Agency* (ITA)



Terdapat dua (2) kes positif telah dikesan pada tahun 2022 dalam penggunaan bahan terlarang melalui ujian *doping* yang telah dilaksanakan.

Therapeutic Use Exemptions (TUE)

TUE merupakan kebenaran bertulis untuk menggunakan bahan atau kaedah terlarang bagi tujuan perubatan. Atlet yang menggunakan bahan atau kaedah terlarang wajib mengemukakan permohonan TUE kepada ADAMAS, *International Federations* (IF) atau *Major Event Organizations* (MEOs).

Pelantikan Ahli Jawatankuasa Anti-Doping 2021 - 2022

Terdapat tiga (3) jawatankuasa telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi membantu ADAMAS di dalam memastikan urusan *doping* dapat diurus dengan baik dan memastikan persekitaran Malaysia bebas dari gejala *doping*.

Jawatankuasa Pengurusan Keputusan dibentuk bertujuan untuk bertanggungjawab melaksanakan sesi pendengaran dan rayuan bagi menentukan sama ada atlet atau sesiapa sahaja yang tertakluk kepada ADAMAS *Anti-Doping Rules* telah melakukan pelanggaran peraturan *anti-doping* (*anti-doping rules violations*) dan mengenakan tindakan selaras dengan pelanggaran tersebut. jawatankuasa ini terdiri daripada 11 orang ahli di mana terdiri daripada seorang Pengerusi dan ahli jawatankuasa yang berkelayakan, berpengetahuan, berkemahiran, berkepakaran dan berpengalaman luas dalam bidang perundangan (termasuk perundangan sukan), perubatan sukan, sains dan farmaseutikal di samping berpengetahuan asas di dalam bidang *anti-doping* dan telah melalui kursus Pengurusan Keputusan anjuran ADAMAS.

Manakala Jawatankuasa *Therapeutic Use Exemptions* (TUE) pula bertujuan untuk memastikan semua urusan berhubung permohonan TUE di ADAMAS dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh individu-individu yang mempunyai kelayakan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam bidang perubatan sukan untuk mempertimbang dan menilai setiap permohonan TUE selaras *Guidelines for the International Standard for Therapeutic Use Exemptions* (ISTUE). Jawatankuasa ini dianggotai oleh tujuh (7) orang yang dilantik oleh ADAMAS dari kepelbagaian kepakaran di dalam bidang perubatan.

Bagi Jawatankuasa Pendidikan pula bertujuan untuk memastikan program-program pendidikan *anti-doping* ADAMAS dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan dalam *UNESCO International Convention Against Doping in Sport*, *World Anti-Doping Code*, dan *International Standards for Education*. Jawatankuasa ini dianggotai oleh tujuh (7) orang yang dilantik

oleh ADAMAS yang berkelayakan, berpengetahuan, berkemahiran, berkepakaran dan berpengalaman luas dalam bidang pendidikan dan latihan.

Mesyuarat dan Pembangunan Kapasiti ADAMAS

- i) Seminar *Anti-Doping* KADA 2022 Asia/Ocena – 29 September 2022, Pengarah ADAMAS, Puan Azura binti Abidin telah mewakili Malaysia dalam Seminar *Anti-Doping* KADA 2022 yang dianjurkan oleh Agensi *Anti-Doping* Korea (KADA) dengan kerjasama WADA pada 28 hingga 29 September 2022, di Busan, Korea Selatan.

Aktiviti ini dijalankan secara berkala oleh KADA setiap tahun. Pada 2022, dengan tema “Menyebarkan Nilai Sukan Melalui Kerjasama Pertubuhan *Anti-Doping*” telah dihadiri oleh 81 peserta dari 28 negara Asia dan Oceania. Seminar ini diadakan dengan tujuan untuk menyumbang kepada pembangunan kapasiti di rantau ini melalui perkongsian maklumat dan amalan terbaik. Ia merupakan satu peluang besar bagi komuniti *anti-doping* untuk berkumpul, membina hubungan dan membincangkan isu sukan bersih bersama.



- ii) *Athlete Biological Passport Symposium 2022* – Penolong Pengarah Kanan ADAMAS, Puan Nor Azhani binti Abd Hazis mewakili Malaysia ke seminar ABP ini pada 12 hingga 14 Oktober 2022 di New Delhi, India. Simposium ini menghimpunkan lebih 200 pihak berkepentingan *anti-doping* yang terlibat dalam semua aspek program ABP termasuk ujian, pentadbiran, semakan pakar dan pengurusan keputusan untuk menggalakkan penyelarasan amalan dan pertukaran pengetahuan dan pengajaran daripada kes ABP. Simposium ABP ketiga ini dianjurkan oleh Agensi *Anti-Doping* Kebangsaan India (NADA) dan Makmal Ujian Doping Kebangsaan (NDTL), mengumpulkan wakil daripada Organisasi *Anti-Doping* Kebangsaan dan Serantau, Persekutuan Antarabangsa, Unit Pengurusan Pasport Atlet (APMU), Makmal yang diiktiraf WADA dan pakar ABP yang menyemak pasport.



Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)

- iii) Seminar *Anti-Doping* Antarabangsa 2022 Asia/Oceania – Ketua Penolong Pengarah ADAMAS, Ms Nageswary a/p Thiagarajan telah mewakili Malaysia ke Seminar *Anti-Doping* Antarabangsa anjuran *Japan Anti-Doping Agency (JADA)* yang bertemakan “Menyatukan Semula Komuniti Sukan Bersih: dengan Warisan Hidup untuk Memelihara Nilai-nilai Sukan”. Seminar ini telah diadakan pada 14 dan 15 Disember 2022 di Tokyo yang mana ia kemudiannya diteruskan dengan bengkel bersama antara JADA dan SEARADO pada 16 Disember 2022. Bengkel ini bertemakan “Pematuhan Kod untuk Amalan Lebih Baik: Bersatu Semula untuk Meningkatkan Pengetahuan Bersama-sama”.



- iv) *Asia/Oceania Intergovernmental Ministerial Meeting*, Dubai - Kerajaan Malaysia mengambil bahagian dalam Rantau Asia/Oceania ke-17 Mesyuarat Menteri antara Kerajaan mengenai *Anti-Doping* dalam Sukan (AOIGM) melalui wakilnya iaitu Pengarah ADAMAS, Puan Azura Binti Abidin pada 14 hingga 16 Oktober 2023 di Dubai. Mesyuarat ini ingin memastikan setiap agensi *anti-doping* terus bekerjasama untuk melindungi sukan bersih. Selain itu, bagi memastikan semua kerajaan yang mengambil bahagian mengiktiraf kepentingan setiap komitmen kerajaan masing-masing untuk menyokong sukan bersih khususnya dalam Kod *Anti-Doping* Dunia (2021) dan sokongan untuk WADA dan tanggungjawab yang diterangkan dalam Konvensyen Antarabangsa UNESCO Menentang *Doping* dalam Sukan.



UNIT AUDIT DALAM



Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Belia dan Sukan telah ditubuhkan pada tahun 1995 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979 dan terkini digantikan dengan Pekeliling Perbendaharaan, PS3.1. Unit ini merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan. Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat nasihat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap keberkesanan operasi Kementerian selaras dengan undang-undang dan peraturan sedia ada.

PERJAWATAN

Sebanyak 13 perjawatan kader dari Jabatan Audit Negara dan 4 jawatan guna sama telah ditempatkan di UAD KBS. Pengisian perjawatan sehingga 31 Disember 2021 seperti di jadual berikut:


PENGISIAN PERJAWATAN UAD KBS SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

JAWATAN	GREED	BIL. LULUS	BIL. DIISI
Ketua Unit Audit Dalam	W52	1	1
Juruaudit Kanan	W44	2	2
Juruaudit	W41	2	2
Penolong Juruaudit	W36	1	1
Penolong Juruaudit	W32	3	3
Penolong Juruaudit	W29	4	4
Ketua Pembantu Tadbir	N22	1	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N19	2	2
Pembantu Operasi	N11	1	1
JUMLAH		17	17

PENCAPAIAN UNIT AUDIT DALAM


Secara keseluruhannya pada tahun 2022, UAD KBS telah berjaya melaksanakan sebanyak 87 (310.71%) daripada 28 aktiviti pengauditan yang dirancang seperti di Carta 1. Jumlah pencapaian pelaksanaan pengauditan ini termasuk pengauditan khas berdasarkan arahan pengurusan tertinggi yang di luar perancangan UAD.

CARTA 1. RANCANGAN DAN PENCAPAIAN UAD TAHUN 2022



Aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 meliputi lapan (8) Pengauditan Pengurusan Kewangan, dua (2) Pengauditan Prestasi, dua (2) Pengauditan Perolehan, dua (2) Siasatan Dalaman, 11 Pengauditan Mengejut, enam (6) Penampilan Audit, dua (2) Pengauditan Susulan dan 54 Pengauditan Khas. Jawatankuasa Audit Program seperti di Carta 2.

CARTA 2. PELAKSANAAN AKTIVITI MENGIKUT JENIS PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2022



Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2022, UAD telah menjalankan lapan (8) Pengauditan Pengurusan Kewangan. Pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan. Pengauditan ini meliputi lapan (8) aspek utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

Lapan (8) pengauditan yang dijalankan berkaitan pengurusan kewangan	
Kem Wawasan Negara (KWN) Alor Gajah, Melaka	Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Alor Gajah, Melaka
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Pagoh, Johor	Kem Wawasan Negara (KWN) Gunung Pulai, Johor
Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES) Negeri Kelantan	Akademi Kenegaraan, Kuala Lumpur
Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) Batu Gajah, Perak	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik, Terengganu

Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi dilaksanakan bagi menilai sejauh mana pelbagai aktiviti, program dan projek Kementerian telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Pengauditan yang dijalankan memberikan penekanan terhadap elemen 3E iaitu *Economy*, *Efficiency* dan *Effectiveness* bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di kalangan pegawai di Kementerian dalam menjalankan tugas seterusnya dapat mengesan wujudnya sebarang unsur-unsur pembaziran, penyalahgunaan dan penyelewengan.

Unit Audit Dalam

Bagi tahun 2022, sebanyak dua (2) pengauditan prestasi telah dilaksanakan seperti berikut:

Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan Pembinaan dan Naik Taraf Gelanggang Futsal di Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)

Pengauditan Terhadap Pengurusan Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) di Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), KBS

Pengauditan Perolehan

Pengauditan Perolehan dijalankan bagi memastikan perolehan dilaksanakan dengan cekap, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta mengikut amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti, telus, memberi nilai faedah yang baik, saingan terbuka, adil dan saksama.

Sebanyak dua (2) pengauditan perolehan yang telah dijalankan iaitu:

Pengauditan Terhadap Perolehan bagi Pelaksanaan Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) Tier 2 Tahun 2022 di i-LEAD

Pengauditan Perolehan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kinarut, Sabah

Pengauditan Mengejut Dan Penampilan Audit

Pengauditan Mengejut dijalankan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Auditi. Semakan dijalankan terhadap borang hasil, kutipan hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga yang disimpan oleh Pejabat Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Penampilan Audit pula adalah merupakan pengauditan yang dijalankan dari semasa ke semasa dengan memberi tumpuan kepada aspek kawalan pengurusan kewangan iaitu terimaan, perbelanjaan, aset, kenderaan dan stok pejabat.

UAD telah melaksanakan Pengauditan Mengejut dan Penampilan Audit terhadap (17) buah Pejabat Pemungut di bawah Kementerian. Pejabat yang terlibat adalah seperti berikut:

- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Sabak Bernam, Selangor
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Sepang, Selangor
- Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) Sabah
- Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) Sabah
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Kulai, Johor
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Marang, Terengganu
- Kem Wawasan Negara (KWN) Langkawi, Kedah
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Langkawi, Kedah
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Kubang Pasu, Kedah
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Kem Wawasan Negara (KWN) Balik Pulau, Pulau Pinang
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Petaling, Selangor
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Kuala Kangsar, Perak
- Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES) Negeri Perlis
- Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang, Selangor
- Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES) Pulau Pinang
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Timur Laut, Pulau Pinang

Pengauditan Susulan

Pengauditan Susulan dilaksanakan untuk menentukan teguran dan penemuan audit yang lalu telah dibuat penambahbaikan serta peraturan pengurusan kewangan diurus dengan teratur, dikawal dan dokumen disimpan dengan selamat. Bagi tahun 2022, UAD telah menjalankan dua (2) pengauditan susulan iaitu:

Pengauditan Susulan Terhadap Kontrak Membekal Makanan Bermasakan untuk Pelajar di IKBN Kuala Perlis, Perlis

Pengauditan Susulan Terhadap Pengurusan Tanah di KBS

Pengauditan Khas dan Jawatankuasa Audit Program

Pengauditan Khas dan Jawatankuasa Audit Program adalah merupakan pengauditan yang dijalankan dari semasa ke semasa berdasarkan arahan oleh pengurusan tertinggi khususnya arahan daripada Ketua Setiausaha KBS berhubung dengan aduan/masalah/pemantauan program/aktiviti yang dijalankan oleh pihak Kementerian/Bahagian/Jabatan/Agensi. Bagi tahun 2022, UAD telah menjalankan sebanyak **54 pengauditan khas** dan dua (2) siasatan seperti berikut:

- Pengauditan Khas Terhadap Projek Naik taraf Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara (KRMSAU) Desaru, Johor
- Pengesahan Data Baki Awal KBS di IKTBN Sepang
- Jawatankuasa Audit Hari Sukan Negara (HSN) 2022
- Jawatankuasa Kewangan dan Audit Hari Belia Negara (HBN) 2022 Jawatankuasa Kewangan dan Pemantauan Karnival Belia dan Sukan di Ipoh, Perak
- Jawatankuasa Audit Karnival Belia dan Sukan 2022 di Kuantan, Pahang Jawatankuasa Audit dan Pematuhan Sukan Malaysia Ke-20 (SUKMA XX) Majlis Sukan Negara (MSN) 2022
- Jawatankuasa Audit dan Pematuhan PARA Sukan Malaysia Ke-20 MSN 2022 Jawatankuasa Audit *Le Tour de Langkawi (LTdL)* Edisi ke-26 Tahun 2022 Pengauditan Khas Pajakan Kecil Kompleks Sukan Bukit Kiara
- Pengauditan Khas Program Smile di Jabatan Belia dan Sukan
- Pengauditan Khas Bagi Penyaluran Peruntukan Penyelenggaraan Media Sosial Setiausaha Akhbar YB Menteri Tahun 2022

Semakan Aset oleh *Flying Squad*

- Kem Wawasan Negara Ulu Sepri, Negeri Sembilan
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis
- Kem Wawasan Negara Kaki Bukit, Perlis
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak
- Kem Wawasan Negara Gunung Pulai, Johor
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor
- Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Perlis, Perlis
- Akademi Pembangunan Belia Malaysia Batu Gajah, Perak
- Institut Kemahiran Belia Negara Wakaf Tapai, Terengganu
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah
- Institut Kemahiran Belia Negara Seri Iskandar, Perak
- Institut Kemahiran Belia Negara Kemasik, Terengganu
- Kem Wawasan Negara Ulu Kenas, Perak
- Kem Wawasan Kulim, Kedah
- Institut Kemahiran Belia Negara Alor Gajah, Melaka
- Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Langat, Selangor
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang
- Kem Wawasan Negara Balik Pulau, Pulau Pinang
- Kem Wawasan Negara Alor Gajah, Melaka
- Kem Wawasan Negara Maran, Terengganu
- Kem Wawasan Negara Bukit Sagu, Kuantan
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang Laporan Tahunan UAD KBS 2022

Unit Audit Dalam

- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak
- Pejabat Belia dan Sukan Bahagian Bintulu, Sarawak
- Pejabat Belia dan Sukan Bahagian Samarahan, Sarawak
- Pejabat Belia dan Sukan Bahagian Mukah, Sarawak
- Institut Kemahiran Belia Negara Pekan, Pahang
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor
- Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan
- Pejabat Pesuruhjaya Sukan
- Institut Kemahiran Belia Negara Bandar Penawar, Johor
- Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Pagoh, Johor
- Kem Wawasan Negara Tanjung Rhu, Selangor
- Kem Wawasan Negara Meru, Selangor
- Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bukit Mertajam, Pulau Pinang
- Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Dusun Tua, Selangor
- Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bachok, Kelantan
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan
- Institut Kemahiran Belia Negara Tanah Merah, Kelantan
- Institut Kemahiran Belia Negara Jitra, Kedah
- Institut Kemahiran Belia Negara Naka, Kedah

Jawatankuasa Siasatan Dalaman

Siasatan Dalaman 1

Siasatan Dalaman 2

Lain-Lain Aktiviti

Pada tahun 2022, UAD turut terlibat dengan lain-lain aktiviti yang telah dirancang meliputi pentadbiran, mesyuarat dan latihan bagi program/aktiviti di bawah KBS. Antara lain-lain aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN
1	Lawatan Naziran bagi Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian dan Jabatan Persekutuan
2	Perbincangan Pra JKA
3	Mesyuarat Pengurusan
4	Program Sumbangan Tajaan dan Edaran Bubur Lambuk bagi Majlis Iftar Ramadhan KBS
5	Sambutan Hari Raya Aidilfitri
6	Kursus Kepentingan Pengauditan kepada Organisasi
7	<i>Pre-Exit</i> bersama Auditi
8	Kursus Pengauditan Prestasi Perolehan Kerajaan
9	Majlis Perpisahan Pegawai
10	Kursus <i>Self-Assessment</i>



UNIT INTEGRITI



Unit Integriti

Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang telah dimandatkan. Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti dan akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh sehingga meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

PROGRAM DAN AKTIVITI

SEKSYEN PENGUKUHAN INTEGRITI, PENGURUSAN ADUAN DAN PENTADBIRAN

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi

Melaksanakan mesyuarat Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA)

Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi

SEKSYEN TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

- Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan
- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- Merangka, mengkoordinasi, memantau dan bertindak sebagai urus setia induk Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Kementerian bagi memastikan objektif JAR tercapai.
- Merancang dan melaksanakan pemantauan (Naziran) serta mengawal selia dalam aktiviti Tadbir Urus dan Pematuhan KBS.
- Bekerjasama dengan agensi dalaman KBS dari aspek mengkoordinasikan kempen gaya kerja berintegriti di dalam pengurusan dan pentadbiran di setiap organisasi di bawah Kementerian.

Bagi tahun 2022, Unit Integriti (UI) telah berjaya menggerakkan aktiviti/program utama sebagaimana berikut:

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) merupakan satu mekanisme kawalan dalaman yang perlu dilaksanakan oleh setiap organisasi berdasarkan kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Pemantapan Governans Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan.

KBS menerusi Unit Integriti telah melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebanyak 3 kali setahun yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) dengan keahlian daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian. Pada masa yang sama KBS juga komited memastikan jabatan/agensi di bawahnya turut melaksanakan mesyuarat JAR peringkat masing-masing sebagaimana yang telah ditetapkan.



Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan.

Bicara Integriti Peringkat Kementerian Belia dan Sukan

Bicara Integriti merupakan program inisiatif yang dilaksanakan untuk memberi pendidikan, kesedaran dan penerapan nilai positif kepada warga KBS di pelbagai peringkat. Program ini juga dilaksanakan secara kerjasama rakan strategik seperti Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Surau Al-Qawiy Al-Amin KBS serta jabatan/agensi di bawah KBS.

Pada tahun 2022, sebanyak 3 siri program telah dilaksanakan secara fizikal dan dalam talian dengan jumlah penyertaan adalah seramai 1,247 orang. Menerusi program ini, adalah diharapkan agar warga KBS dapat menjadikan nilai integriti sebagai salah satu gaya hidup di dalam kehidupan seharian seterusnya membawa organisasi ke arah tadbir urus yang baik.



Ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan.



Sesi bergambar bersama peserta program.



Sesi Program Bersiri Bicara Integriti Peringkat Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2022.

Majlis Sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2022

Bulan November telah diisytiharkan sebagai bulan sambutan Integriti setiap tahun. Bagi menyemarakkan nilai-nilai integriti di kalangan warga KBS, Unit Integriti (UI) KBS dengan usaha sama Kelab Team KBS dan AJK Surau telah merancang pelbagai pengisian yang bermanfaat sebagaimana berikut:

Majlis Bacaan Yasin 4 November 2022	Eksploasi Integriti 8 November 2022	Bicara Integriti Khas 9 November 2022	Majlis Sambutan Hari Integriti Peringkat KBS 9 November 2022
---	---	---	--

Bicara Integriti Khas dan Majlis Sambutan Hari Integriti Peringkat KBS telah dijayakan secara hibrid dengan jumlah penyertaan yang memberangsangkan iaitu seramai 85 orang hadir secara fizikal dan 56 orang hadir secara dalam talian. Peserta bagi program ini terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan di peringkat kementerian, agensi dan jabatan termasuk di negeri dan daerah. Manakala Majlis Sambutan Hari Integriti telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha KBS.



Ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan.

Program Eksplorasi Integriti sempena Hari Integriti Peringkat Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2022

Program Eksplorasi Integriti telah diadakan pada 08 November 2022, bersempena sambutan Hari Integriti Nasional peringkat Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2022. Tujuan program ini diadakan adalah bagi menyokong usaha membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan Warga KBS ke arah pemantapan budaya, nilai moral, etika dan integriti yang tinggi dalam warga KBS secara keseluruhannya.



Peserta di salah satu *check point* program.

SEKSYEN PENGESANAN, PENGESAHAN DAN TATATERTIB

- Menjadi urus setia dan melaksanakan prosedur tatatertib dan surcaj untuk pertimbangan Lembaga Tatatertib sehingga selesai.
- Menerima permohonan, memproses dan merekod perisytiharan harta kakitangan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Belia dan Sukan dan memantau serta mengumpul maklumat perisytiharan harta kakitangan di Ibu Pejabat/Jabatan/Institut/Akademi di bawah Kementerian Belia dan Sukan.
- Menerima, memproses dan mengumpul maklumat serta memantau penyertaan anggota Kementerian dalam urusan berkaitan permohonan bergiat dalam politik, kerja luar, kerja sambil dan berniaga.
- Menerima dan memproses permohonan anggota Kementerian dalam urusan pemilikan tanah secara diberimilik oleh kerajaan.
- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

Selain itu, Seksyen Pengesanan, Pengesahan dan Tatatertib juga berjaya melaksanakan aktiviti seperti:

Kursus Pengurusan Tatatertib KBS Tahun 2022

Kursus yang diadakan pada 25 hingga 26 Julai 2022 di Dewan Podium B, Menara KBS, Putrajaya ini telah dianjurkan dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kursus ini telah dihadiri oleh 59 orang peserta yang terdiri daripada pasukan Penasihat Undang-undang KBS serta para pegawai KBS yang memegang jawatan sebagai Pengerusi/Ahli/Urus Setia Lembaga Tatatertib di JBS Negeri/ILKBS dan agensi.

Secara keseluruhannya, para peserta amat berpuas hati dengan pengisian kursus. Walau bagaimanapun, para peserta turut mencadangkan agar kursus seperti ini diadakan dengan lebih kerap dan secara bersiri memandangkan tempoh masa kursus kali ini dianggap terlalu singkat dan padat.



Sesi perkongsian bersama Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.



Sesi perkongsian bersama Puan Salwa binti Mhd Asrar, Penasihat Undang-Undang, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.



Peserta Kursus Pengurusan Tatatertib KBS Tahun 2022.

Bicara Integriti KBS Tahun 2022

Program Bicara Integriti KBS yang diadakan bersempena Sambutan Hari Integriti KBS Tahun 2022 ini membawa topik “Perkasa Bahasa Memacu Kerjaya”. Panel yang dijemput merupakan pensyarah kanan di sebuah Institut Pendidikan Guru dan merupakan personaliti TV yang dikenali, manakala moderator adalah pegawai di Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), KBS. Selain 85 orang peserta yang hadir secara fizikal, lebih daripada 1000 views didapati turut mengikuti bicara integriti ini di laman Facebook KBSMalaysia.

Secara keseluruhannya, program bicara integriti ini telah berjaya diadakan dengan jayanya dan para peserta memberikan respon yang sangat positif dengan penyampaian yang diberikan oleh panel dan moderator yang dijemput.



Sesi Perkongsian bersama YBrs. Dr. Mohd Ghazali bin Taib, Pensyarah Kanan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa.



Peserta program Bicara Integriti KBS Tahun 2022.



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG



Pejabat Penasihat Undang-Undang

Pejabat Penasihat Undang-Undang mempunyai jumlah perjawatan sebanyak lima (5) orang pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh seorang Penasihat Undang-Undang gred L52. Secara ringkasnya fungsi-fungsi Pejabat Penasihat Undang-Undang adalah seperti yang berikut:

- i. Bertanggungjawab dalam pengurusan khidmat nasihat undang-undang untuk memastikan agar khidmat nasihat undang-undang itu dapat diberikan kepada Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan;
- ii. menyemak draf perjanjian, draf memorandum persefahaman domestik dan antarabangsa dan apa-apa surat cara perundangan yang dirujuk oleh Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan;
- iii. menghadiri mesyuarat-mesyuarat di dalam dan luar Kementerian serta Jabatan Peguam Negara seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa;
- iv. menyediakan jawapan-jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara semasa persidangan dewan dalam hal undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian;
- v. menyemak cadangan pindaan undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikemukakan oleh Kementerian;
- vi. membantu Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara dalam urusan penyediaan dokumen perbicaraan termasuk membuat kajian, mengemukakan pendapat dan berurusan secara langsung dengan Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara;
- vii. menghadiri prosiding Mahkamah dalam kes-kes yang melibatkan Kementerian sama ada mewakili Kementerian sebagai plaintif atau bertindak sebagai peguam pemerhati Kementerian (sekiranya perlu); dan
- viii. memberi ceramah dan bertindak sebagai fasilitator dalam program-program melibatkan perundangan yang dianjurkan oleh Kementerian.

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI



Khidmat Nasihat dan Perundangan

Sebanyak 286 nasihat perundangan secara bertulis dan lisan telah diberikan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang kepada KBS dan agensi-agensinya di bawahnya sepanjang tahun 2022.

Menyemak, Menyediakan atau Menggubal Draf Perjanjian dan Memorandum Persefahaman Domestik

Sebanyak 456 perjanjian dan memorandum persefahaman domestik telah disemak atau digubal oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang sepanjang tahun 2022. Antara perjanjian-perjanjian utama yang telah disemak adalah seperti yang berikut:



- Menyemak, Menggubal dan Meluluskan Memorandum Persefahaman Antarabangsa

8 instrumen perundangan antarabangsa

melibatkan KBS telah disemak atau digubal oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang sepanjang tahun 2022

- Menghadiri mesyuarat di Kementerian/Agensi/Jabatan

354 mesyuarat domestik dan antarabangsa

telah dihadiri melibatkan Kementerian Belia dan Sukan serta Agensi/Jabatan di bawahnya termasuk di Jabatan Peguam Negara

- **Undang-Undang Utama atau Perundangan Subsidiari**


Sebanyak lapan (8) perundangan subsidiari telah digubal, disemak atau dipinda sepanjang tahun 2022 seperti yang berikut:



- **Mengadakan Perbincangan berkaitan draf Perjanjian Perolehan dengan i-LEAD**

- Pada 25 Ogos 2022, Pejabat Penasihat Undang-Undang telah mengadakan perbincangan berkaitan isu-isu Perjanjian Perkhidmatan Tenaga Pengajar Pakar dan Studio di i-LEAD;
 - pada 25 Ogos 2022, Pejabat Penasihat Undang-Undang telah mengadakan perbincangan berkaitan isu-isu Perjanjian Perkhidmatan Sewaan Bas di i-LEAD; dan
 - pada 10 November 2022, Pejabat Penasihat Undang-Undang telah mengadakan perbincangan berkaitan isu-isu Perjanjian Perkhidmatan Lesen Microsoft di Kementerian Belia dan Sukan.
- **Pejabat Penasihat Undang-Undang telah menerima dua orang pelajar dari Universiti Teknologi Mara untuk menjalani Latihan Amali bermula dari 28 Februari 2022 hingga 25 Mac 2022.**

Senarai Akta di Bawah KBS





LAPORAN SEKTOR STRATEGIK

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia



Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) bertanggungjawab menyelia kesemua 22 buah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). ILKBS merangkumi lapan (8) Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), 13 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sebuah Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG).

ILKBS telah diperkenalkan pada 22 November 2016 sebagai satu inisiatif penjenamaan semula bagi menyatukan kesemua institusi latihan kemahiran di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penjenamaan ini dibuat setelah mengambil kira keperluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET yang dilihat kian mendapat tempat di dalam agenda pembangunan negara ketika ini.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi BPKB <https://ilkbs.my> atau mengikuti laman media sosial ILKBS.

14 BIDANG TEKNOLOGI KEMAHIRAN | 22 INSTITUSI

CAWANGAN DI BPKB

- a) Cawangan Pengurusan dan Kewangan
- b) Cawangan Perancangan Pembangunan dan Penyelenggaraan
- c) Cawangan Perancangan dan Pengurusan Prestasi
- d) Cawangan Teknikal dan Kualiti Latihan
- e) Cawangan Kerjasama Strategik dan Kreatif
- f) Cawangan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar
- g) Cawangan Pembangunan Kekompetenan Belia

FUNGSI UTAMA

ILKBS memberi latihan kemahiran meliputi Tahap satu (1) hingga Tahap lima (5) di bawah Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.

KONSEP LATIHAN



LAPORAN PENCAPAIAN UTAMA TVET KBS 2022

- Bilangan Belia dan Pekerja Industri yang dilatih:
 - a) Pelajar sepenuh masa: **9,498 orang**
 - b) Kursus jangka pendek:
 - i. Program *Bootcamp*: **554 orang**
 - ii. Program STAR@U: *MyFuture Youth Plus* : 611 orang
 - iii. Program Kampus Bandar Raya ILKBS Johor (ICC Johor): 637 orang
 - iv. Kursus Modular (Akaun Amanah): 1,997 orang
 - v. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN): 156 orang
 - vi. *HRDC Fund*: 175 orang

Jumlah belia dan pekerja industri yang mengikuti Latihan TVET di KBS pada tahun 2022 adalah seramai **13,628 orang**.

PERATUS KEMAHIRAN PELAJAR ILKBS: **96.54 %**

PURATA PENDAPATAN LEPASAN ILKBS: **RM 1,764.95**

PROGRAM DAN AKTIVITI

STRATEGI 1: TVET KBS PILIHAN UTAMA

a) Pertandingan *WorldSkills* Malaysia

Pertandingan kemahiran *WorldSkills* Malaysia Belia (WSMB) dan *WorldSkills* Malaysia Pengajar (WSMP) merupakan pertandingan kemahiran kebangsaan yang diadakan setiap tahun anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Kerja Raya (KKR).

Pertandingan ini merupakan satu platform untuk mengiktiraf dan memilih pelajar institusi/kolej kerajaan dan swasta serta pekerja industri yang mempunyai kemahiran unggul untuk bertanding bagi melayakkan diri ke peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili Malaysia ke peringkat ASEAN, Asia dan Dunia.

Bagi tahun 2022, seramai 163 orang pelajar ILKBS telah menyertai Pertandingan Pra-Kelayakan WSMB dan 42 orang pengajar telah layak ke Pertandingan Pra-Kelayakan WSMP 2022. Daripada penyertaan tersebut, peserta ILKBS yang layak ke peringkat akhir adalah seperti berikut:

- i) WSMB : 52 peserta, 24 bidang kemahiran
- ii) WSMP : 17 peserta, 8 bidang kemahiran

WorldSkills Malaysia Belia (WSMB)

WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP)



b) Penganjuran Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi ILKBS (*Innovation Development Through Educational Activities 2022 - iDEA'22*)

Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi yang dikenali sebagai *Innovation Development Through Educational Activities* (iDEA) anjuran Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB), Kementerian Belia dan Sukan yang diadakan setiap tahun sejak tahun 2019. iDEA merupakan satu pertandingan sihat bagi meningkatkan pemikiran kreatif dan inovatif melalui penghasilan reka cipta produk inovasi pelajar. iDEA'22 melibatkan penyertaan dari pelajar-pelajar sekolah, IPTA/ IPTS, ILKA/ILKS seluruh Malaysia.

iDEA'22 dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan telah disertai oleh 352 pasukan inovasi daripada pelbagai sekolah, IPT/ILK seluruh Malaysia. Majlis Anugerah telah disempurnakan oleh YB Menteri Belia dan Sukan pada 11 September 2022 bertempat di AEON Mall, Nilai Negeri Sembilan.

c) Penganjuran Pertandingan Robotik ILKBS - *Youth Robot Challenge 2022 (Y-RoboC'22)*

Pertandingan Robotik ILKBS yang dikenali sebagai *Youth Robot Challenge* (Y-RoboC) merupakan pertandingan anjuran Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) yang dikelolakan oleh ILKBS. Pertandingan ini diadakan setiap tahun sebagai platform perkongsian idea, pengetahuan dan pendedahan pelajar dan pengajar dalam bidang teknologi robotik. Menyediakan ruang dan tempat kepada golongan pelajar, belia, masyarakat serta agensi luar untuk mempamerkan bakat, kemampuan dan kehebatan mereka dalam memberi saingan melalui semangat pertandingan yang sihat.

Y-RoboC'22 dihoskan oleh IKTBN Bukit Mertajam dan telah disertai oleh 114 pasukan robotik daripada pelbagai sekolah, IPT/ILK seluruh Malaysia. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Belia dan Sukan pada 24 Julai 2023 bertempat di IKTBN Bukit Mertajam, Pulau Pinang.



Pemenang *Youth Robot Challenge 2022 (Y-RoboC'22)*.



Peserta *Youth Robot Challenge 2022 (Y-RoboC'22)*.

d) Pencapaian Pingat/Anugerah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di Pertandingan Kemahiran, Inovasi, Robotik dan Kreativiti

Pertandingan kemahiran/inovasi/robotik/kreativiti merupakan satu platform untuk pelajar dan pengajar ILKBS mempamerkan bakat, kemampuan dan kepakaran mereka dalam memberi saingan melalui semangat pertandingan yang sihat. Melalui penyertaan pertandingan ini akan dapat melahirkan pengajar dan pelajar yang berkemahiran tinggi, berfikir kreatif dan inovatif dalam penyediaan projek/produk mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam pertandingan.

Jumlah bilangan pingat/anugerah yang dapat dihasilkan oleh setiap ILKBS sama ada pingat emas, perak, gangsa atau johan, naib johan dan tempat ketiga dan lain-lain bentuk pencapaian yang diiktiraf semasa menyertai pertandingan di peringkat negeri/kebangsaan/antarabangsa akan direkodkan sebagai pencapaian oleh ILKBS.

Pada tahun 2022, sebanyak 229 pingat/anugerah yang dicapai oleh ILKBS dalam penyertaan pertandingan ini. Ringkasan pencapaian pingat/anugerah adalah seperti di bawah:

BIL	ILKBS	PENCAPAIAN PINGAT / ANUGERAH					JUMLAH
		DIPLOMA	EMAS/ JOHAN/ JUARA	PERAK/NAIB JOHAN/1 st RUNNER UP	GANGSA/ KE-3/2 nd RUNNER UP	MEDALLION/ KE-4/3 rd RUNNER UP	
1	IKBN Kuala Langat		27	9	2		38
2	IKBN Seri Iskandar		2	9	10	1	22
3	IKTBN Alor Gajah	1	3	5	3	4	16
4	IKTBN Pagoh		4	9	2	1	16
5	IKTBN Dusun Tua		3	7	5		15
6	IKBN Kemasik	2	3	5	4	1	15
7	IKTBN Bachok		5	4	1	3	13
8	IKBN Bandar Penawar		6	3	1	2	12
9	IKBN Peretak	2	2	3	2	2	11
10	IKBN Pekan		5	3	1	1	10
11	IKTBN Bukit Mertajam		5	3			8
12	IKTBN Chembong			5	1	2	8
13	IKTBN Sepang		5	1		1	7
14	IKBN Kuala Perlis		1	2	1	2	6
15	IKBN Naka		1	2	3	0	6
16	IKBN Miri		2	1	2	1	6
17	IKTBN Temerloh		3	1	1		5
18	IKBN Jitra		1	4			5
19	IKBN Wakaf Tapai		4			1	5
20	IKBN Kinarut		2	1			3
21	IKBN Tanah Merah		1	1			2
JUMLAH KESELURUHAN		5	85	78	39	22	229

e) Kelayakan Peserta ke *WorldSkills* ASEAN 2023

Pada tahun 2022, empat (4) orang pelajar ILKBS telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di Pertandingan *WorldSkills* Malaysia Belia (WSMB) 2022 dan seterusnya melayakkan diri mewakili Malaysia di *WorldSkills* ASEAN, 2023 Singapore. Peserta yang dimaksudkan adalah seperti di bawah:



Empat orang pelajar ILKBS mewakili Malaysia ke *WorldSkills* ASEAN, 2023 Singapore.



Muhammad Nasran
pemenang *Gold Medal* dalam
bidang *Hair Dressing* dari
IKBN Kemasik.



Nur Diya binti Azemi
pemenang *Gold Medal* dalam
bidang *Restaurant Services*
dari IKBN Miri.



Amirun Nzufal bin Muaz
pemenang *Silver Medal* dalam
bidang *Hair Dressing* dari
IKBN Kemasik.



Muhaimin Iskandar bin Zaidi
pemenang *Silver Medal* dalam
bidang *Electrical Installation*
dari IKBN Dusun Tua.

f) Anugerah ILKBS Terbaik (AIT) dan Pengurusan Latihan Terbaik (PLT)

Anugerah ILKBS Terbaik (AIT) dan Pengurusan Latihan Terbaik (PLT) ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) kepada Institusi Latihan Kementerian Belia dan Sukan (ILKBS) yang mencapai tahap pengurusan latihan yang cemerlang bagi program-program latihan yang ditawarkan di ILKBS. AIT merupakan program dwitahunan dan telah dilaksanakan sebanyak tiga kali bermula tahun 2017. Manakala PLT merupakan program tahunan dan telah dilaksanakan sebanyak lima (5) kali bermula tahun 2018.

KBS melihat pengiktirafan anugerah-anugerah ini dapat memberikan impak yang positif bagi memacu ILKBS sebagai salah satu daripada institusi TVET yang terunggul di Malaysia. Selain daripada itu, ia menjadi pemangkin kepada ILKBS untuk memantapkan tadbir urus pengurusan institut, program latihan, operasi latihan, pengajaran dan pembelajaran (P&P), kepakaran tenaga pengajar dan penglibatan pelajar di dalam pertandingan.

Berikut adalah senarai pemenang-pemenang Anugerah AIT 2022 dan PLT 2022:

Anugerah AIT 2022 IKTBN Bukit Mertajam	Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Awam - IKBN Kuala Langat
Johan Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Elektrik - IKTBN Bukit Mertajam	Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Pertanian - IKBN Naka
Naib Johan Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Elektronik - IKTBN Sepang	Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Mekanikal - IKTBN Sepang
Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Automotif - IKTBN Dusun Tua	Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Personel - IKBN Peretak
Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Fotografi - IKBN Kuala Langat	Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Tekstil - IKBN Peretak
Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Maklumat - IKBN Kuala Langat	Anugerah PLT 2022 Bidang Teknologi Hospitaliti - IKTBN Bachok

STRATEGI 2: MENINGKAT KEUPAYAAN BELIA SEBAGAI MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

a) Bootcamp

Program yang memberikan latihan kemahiran secara intensif selama empat (4) hingga 14 minggu kepada belia massa mengikut kehendak dan keperluan industri dan disertai dengan jaminan pekerjaan. Tenaga pengajar terdiri daripada pihak industri dalam bidang-bidang yang telah dikenalpasti.

- Sebanyak 31 program *Bootcamp* telah dilaksana di bawah peruntukan P45001100210015 yang melibatkan seramai 419 orang peserta dan kesemua telah mendapat tawaran penempatan pekerjaan. Manakala sebanyak 10 program *Bootcamp* di bawah KWC-19 melibatkan seramai 135 orang peserta dan kesemua menerima tawaran pekerjaan. Secara keseluruhan, seramai 554 orang peserta telah menerima tawaran pekerjaan daripada syarikat yang bekerjasama melalui program *Bootcamp* KBS tahun 2022.



Peserta program *Bootcamp* Kimpalan IKBN Jitra sedang melakukan latihan amali di industri yang bekerjasama dalam program *Bootcamp* KBS.



Peserta program *Bootcamp* Semburan Cat IKBN Kuala Perlis sedang melakukan latihan amali semburan cat *base coat*.



Peserta program *Bootcamp Offshore Catering Crew* IKBN Miri sedang melakukan latihan amali pembuatan kuih tradisional.



Peserta program *Bootcamp Blaster & Painter* IKBN Kinarut sedang melakukan latihan amali *Sea survival*.

b) STAR@U: MyFuture Youth Plus

STAR@U: *MyFuture Youth Plus* merupakan alternatif kepada belia berisiko/minoriti berumur 15 - 30 tahun untuk mendapatkan latihan kemahiran secara modular menerusi kursus jangka pendek, menggunakan kemudahan dan kepakaran sedia ada di Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) seluruh negara.

- Sebanyak 41 program STAR@U: *MyFuture Youth Plus* telah dilaksanakan dan memanfaatkan 611 orang belia.

c) Program Kampus Bandar Raya ILKBS Johor (ICC Johor)

Program Kampus Bandar Raya ILKBS Johor merupakan program yang mensasarkan belia massa dan pengoperasian program adalah berteraskan kerjasama dengan majikan untuk mereka bentuk kurikulum dan penumpuan kepada pengetahuan dan kemahiran teras. Kampus bandar merupakan institut yang bukan sekadar pengambilan pelajar bagi tujuan latihan dan pensijilan sahaja malah mewujudkan persekitaran sebenar industri bagi menyediakan pelajar dengan situasi sebenar tempat kerja.

- Sebanyak 114 kursus bawah Program Kampus Bandar Raya ILKBS Johor melibatkan tiga (3) bidang iaitu Pengurusan Kafe, Pastrri dan Fotografi telah dilaksanakan dan memanfaatkan 637 orang belia.

d) Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM)

- Bilangan Penyertaan Pelajar Dalam ARPRM: 4,346 orang
- Bilangan Pentauliah Pelajar Dalam ARPRM: 2,123 orang

Sebuah program bertaraf antarabangsa (diberi mandat oleh *The Duke of Edinburgh's International Award Foundation*) yang mengiktiraf remaja berumur 14 - 24 tahun dalam aktiviti yang menyumbang kepada pembentukan personaliti dan keterampilan pelajar ILKBS. Objektif ARPRM adalah seperti berikut:

- Menyediakan diri remaja menghadapi cabaran ke arah kematangan diri dan penyerlahan potensi.
- Membentuk pembangunan remaja secara holistik melalui penyertaan dan pengiktirafan dalam aktiviti seimbang di bawah empat (4) komponen.
- Memupuk semangat kesukarelawan serta mengiktiraf sumbangan remaja dalam aktiviti kemasyarakatan.
- Meningkatkan potensi kepimpinan remaja sebagai pemimpin elit muda.

e) Kejohanan Sukan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) Kali Ke-34 Tahun 2022

Kejohanan Sukan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) merupakan program tahunan Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) yang melibatkan semua ILKBS di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Kejohanan ini secara umumnya bertujuan untuk menerapkan budaya bersukan melalui amalan gaya hidup sihat dan aktif seterusnya sebagai platform untuk menggalakkan penyertaan inklusif pelajar dan warga ILKBS dalam aktiviti bersukan.

IKTBN Bachok telah dipilih selaku tuan rumah bagi edisi kali ke-34 yang diadakan pada 19 - 22 September 2022 dan sekali gus merangkul juara keseluruhan bagi Kejohanan Sukan ILKBS ke-34 ini. Sebanyak lima (5) jenis acara sukan telah dipertandingkan:

- I. Bola Sepak 9 Sebelah
- II. Bola Jaring
- III. Sepak Takraw
- IV. Ping Pong (Berpasukan)
- V. *E-sports (PUBG Mobile)*

f) MPP Perdana Camp 2022

MPP Perdana Camp merupakan salah satu komponen program dan strategi dalam Pelan Pembangunan dan Pemerkasaan Majlis Perwakilan Pelajar 2022 - 2025 (PEWAJAR). Program ini dilaksanakan untuk memperkasa kepimpinan dan memberi pendedahan kepada pelajar ILKBS dalam menguruskan organisasi dan melaksanakan aktiviti. Selain itu, program ini juga merupakan salah satu usaha untuk melahirkan pemimpin yang bukan sahaja hebat dalam aspek kepemimpinannya tetapi juga aspek spiritual, emosi dan sahsiah. Perkara ini selaras dengan hasrat memupuk dan membangunkan kualiti graduan ILKBS.

Program ini dilaksanakan di enam (6) zon seluruh negara melibatkan 21 ILKBS. Seramai 316 orang Majlis Perwakilan Pelajar ILKBS telah menyertai program ini.



Majlis Penutup MPP Perdana Camp (Zon Timur).



Majlis Penutup MPP Perdana Camp (Zon Selatan).



Aktiviti dalam Slot Avanger MPP Perdana Camp (Zon Utara).

STRATEGI 3: MENINGKAT KUALITI LATIHAN DAN KEBERKESANAN TVET

a) Kajian Kebolehpasaran Graduan

Kebolehpasaran Graduan ILKBS merupakan kayu pengukur bagi setiap ILKBS dalam melahirkan belia berkemahiran untuk memenuhi keperluan tenaga mahir serta industri negara. Selain daripada itu, BPKB juga terlibat dalam pengumpulan data bagi Sistem Kajian Pengesanan Graduan – TVET (SKPG-TVET) yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). BPKB akan menganjurkan bengkel penyelarasan data pada setiap tahun melibatkan semua pegawai Cawangan Hubungan Industri (CHI) bagi mengkoordinasi data graduan ILKBS bagi Kajian Kebolehpasaran Graduan ILKBS dan juga Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG-TVET) yang telah menamatkan pengajian.

Peratusan Kebolehpasaran ILKBS Tahun 2022 adalah sebanyak 96.19% melibatkan 20 ILKBS dengan purata gaji keseluruhan adalah sebanyak RM1,764.95.



Sebahagian daripada peserta-peserta Bengkel Kajian Kebolehpasaran Graduan ILKBS dan juga Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG-TVET) yang terdiri daripada wakil 20 ILKBS.

b) Lawatan Perkongsian Amalan Terbaik/Penanda Arasan IR 4.0 ke Institusi TVET dan Industri di Negara Jepun

Program Pemeraksanaan TVET KBS yang sedang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kecemerlangan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dan menjadi institusi latihan teknikal dan vokasional yang terunggul di Malaysia. Inisiatif untuk menambah baik dan mempertingkatkan prestasi ILKBS ini adalah penting agar para pelatih ILKBS akan memperoleh kualiti pembelajaran, peluang kerjaya serta tahap pendapatan yang lebih baik. Melalui perancangan dan usaha yang berterusan untuk mencapai misi sebagai institusi latihan kemahiran bertaraf dunia, Kementerian Belia dan Sukan komited untuk menyediakan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dengan peralatan dan persekitaran latihan moden serta kondusif seiring keperluan Industri 4.0. Ia bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti latihan serta menyediakan belia berkemahiran tinggi bagi keperluan industri negara.

c) Kerjasama bersama pihak industri melalui Memorandum Persefahaman (MoU)

Sebanyak 45 Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai bersama pelbagai industri bagi pembangunan kemahiran belia dalam bidang TVET. 39 MoU menerusi 22 buah Institusi Latihan Kemahiran Belia Sukan (ILKBS) manakala sembilan (9) menerusi kerjasama di peringkat nasional telah dimeterai pada tahun 2022. Kerjasama ini meliputi kepada aspek *on job training* bersama industri, sumbangan bahan mengajar dan peralatan, khidmat nasihat dan pakar rujuk serta penawaran peluang pekerjaan di syarikat selepas tamat pengajian.



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Kementerian Belia dan Sukan bersama Yayasan Raja Muda Selangor.



LAPORAN SEKTOR STRATEGIK

Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik



Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDS) terdiri daripada empat cawangan iaitu Cawangan Strategik, Cawangan Sukan, Cawangan Belia dan Cawangan Penyelarasan dengan kekuatan keseluruhan pegawai dan kakitangan.

BDS bertanggungjawab untuk merancang, menggubal, menyelaras serta memantau pelaksanaan dasar-dasar dan akta berkaitan belia dan sukan berpandukan matlamat program atau aktiviti Kementerian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, merangkumi Dasar Belia Malaysia, Dasar Sukan Negara, Visi Sukan Negara dan Model Baharu Pembangunan Belia, Pelan Strategik KBS, Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 dan Akta Pembangunan Sukan.

BDS juga bertanggungjawab melaporkan pelaksanaan dan pemantauan ke atas inisiatif dan dasar Kerajaan melibatkan Rancangan Malaysia, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *Outcome-Based Budgeting* (OBB). Selain itu, BDS bertindak menyelaras dan mengurus Kertas Jemaah Menteri, hal ehwal Parlimen, Mesyuarat Pasca-Kabinet serta kolaborasi strategik bersama kementerian dan agensi luar.

Secara keseluruhannya, pelbagai program dan aktiviti utama Bahagian telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Antaranya adalah 63 penyediaan Memorandum, Nota dan Ulasan Jemaah Menteri, membangunkan dua (2) dasar utama KBS iaitu Visi Sukan Negara 2030 (VSN2030) dan Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030). Malah, BDS turut telah mewartakan Peraturan di bawah Akta Pembangunan Sukan Akta 1997 (Pindaan) 2018. Tambahan lagi, Kod Sukan Selamat dan Garis Panduan Kawal Selia Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG) telah dibangunkan pada tahun 2022 untuk kegunaan industri di Malaysia. Sepanjang tahun 2022, lima (5) Kursus/Bengkel telah berjaya dilaksanakan oleh BDS.

MEMORANDUM DAN NOTA JEMAAH MENTERI

Pada tahun 2022, Kementerian telah menyediakan sebanyak 25 Memorandum Jemaah Menteri (MJM), 20 Nota Jemaah Menteri (NJM) dan 18 Penyediaan Ulasan Memorandum untuk diangkat bagi mendapatkan pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri. Antara MJM yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri adalah Memorandum Visi Sukan Negara 2030, Model Pembangunan Belia MADANI, Pelaksanaan Program PODIUM Majlis Sukan Negara dan Hari Belia Negara. Jemaah Menteri turut mengambil maklum berhubung pembentangan NJM antaranya ialah Pelaksanaan Program Felo Perdana dan Felo Korporat, Prestasi Kontinjen Negara di Temasya Sukan SEA Ke-31, Vietnam 2022 dan Prestasi Kontinjen Negara di Temasya Sukan Komanwel 2022, Birmingham, United Kingdom.

VISI SUKAN NEGARA 2030

Pada tahun 2022, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik telah membangunkan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030). VSN2030 merupakan hala tuju dan perancangan baharu pembangunan sukan negara dipetakan dengan lebih komprehensif, bersepadu dan kolektif bagi tempoh 10 tahun akan datang. VSN2030 dijangka dapat memberikan nafas baharu buat arena sukan negara dengan mengguna pakai konsep “Daripada Komuniti Kepada Komuniti” supaya rakyat sendiri, tanpa mengira latar belakang merencanakan strategi sukan negara untuk 10 tahun ke hadapan. Ia juga meneruskan legasi sukan sebagai alat perpaduan yang ampuh dalam masyarakat serta melahirkan jaguh-jaguh berkelas dunia dan akan menjadi dokumen rasmi Kerajaan dalam pembangunan sukan tanah air. Dokumen ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 8 Oktober 2022 bersempena dengan Hari Sukan Negara.

MODEL PEMBANGUNAN BELIA MADANI 2030 (MPBM2030)



Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia telah membangunkan Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030) yang menjadi pelengkap kepada Dasar Belia Malaysia (DBM). Pada tahun 2022, gerak kerja MPBM2030 memberikan keutamaan kepada pelaksanaan sesi libat urus (SLU) pada bulan Januari hingga Mac 2022 bersama dengan lapan (8) kumpulan sasaran belia dan kumpulan pelaksana antaranya agensi persekutuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta institusi pendidikan dan penyelidikan.

MPBM2030 yang menekankan kepada empat (4) teras, 11 objektif, 14 strategi dan 39 inisiatif disasarkan dapat melahirkan warganegara belia yang dinamik, kompeten, berdaya saing dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran masa kini serta perubahan masa hadapan. Model ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri sempena Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2022.

KOD SUKAN SELAMAT

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) selaku peneraju pembangunan sukan sentiasa meletakkan kebajikan dan keselamatan atlet sebagai salah satu keutamaan. Mengambil kira cadangan daripada kaji selidik dan pandangan pihak berkepentingan, KBS telah memulakan kerja-kerja pembangunan Kod Sukan Selamat pada awal tahun 2022. Hasil tinjauan ini juga telah dikongsikan dengan semua pihak berkepentingan termasuk lapan (8) agensi kerajaan yang berkaitan, tujuh (7) NGO dan 24 persatuan sukan yang telah menghadiri beberapa siri bengkel dan libat urus yang diadakan dari Ogos 2022 hingga Disember 2022. Pembangunan Kod Sukan Selamat akan memberi kefahaman yang lebih jelas kepada semua pihak mengenai gangguan dan penyalahgunaan kuasa dalam sukan serta peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam sukan.



PEWARTAAN PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (JAWATANKUASA PERTIKAIAN SUKAN) DAN PROSEDUR DALAMAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN DALAM BADAN SUKAN

Akta Pembangunan Sukan Akta 1997 (Pindaan) 2018 telah diluluskan di Parlimen pada bulan April 2018 (3 April 2018 di Dewan Rakyat dan 4 April 2018 di Dewan Negara). Selaras dengan pindaan, KBS perlu menyediakan peraturan-peraturan yang perlu dibaca bersama Akta 576. Objektif penyediaan peraturan ini adalah untuk menyeragamkan hala tuju sukan dan memastikan persatuan terus aktif dan melaksanakan aktiviti mengikut perlembagaan.

Sehubungan itu, pada tahun 2022, KBS bersama Pejabat Pesuruhjaya Sukan telah menyediakan draf Jawatankuasa Pertikaian Sukan [P.U.(A) 54] dan Prosedur Dalam Penyelesaian Pertikaian Dalam Badan Sukan [P.U.(A) 53]. Kedua-dua peraturan ini telah mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2022.

GARIS PANDUAN KAWAL SELIA SUKAN ELEKTRONIK KEBANGSAAN (NESDEG)

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik KBS 2020 - 2025 (Pelan Strategik Sukan Elektronik) pada tahun 2020 yang menggariskan lima (5) strategi dengan objektif utama untuk merangsang dan menggalakkan pembangunan industri sukan elektronik yang semakin pesat di Malaysia.

Selaras dengan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Strategik Sukan Elektronik tersebut, KBS telah memulakan gerak kerja pembangunan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik (NESDEG). NESDEG merupakan garis panduan spesifik yang dibangunkan bagi memperincikan tindakan-tindakan yang menyokong pelaksanaan strategi-strategi yang terkandung di bawah Pelan Strategik Sukan Elektronik.

Pembangunan garis panduan ini telah mengambil kira pandangan dan cadangan daripada pelbagai pemegang taruh melalui bengkel penyediaan yang telah diadakan pada 9 dan 10 Jun 2022 di Spacerubix, Puchong. NESDEG dijangka akan dilancarkan pada suku ketiga tahun 2023.

KURSUS/BENKEL YANG TELAH DIANJURKAN OLEH BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bengkel Penyediaan Jawapan Parlimen dan Pengurusan Dokumen Jemaah Menteri

Bengkel Penyediaan Jawapan Parlimen dan Pengurusan Dokumen Jemaah Menteri ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 20 – 21 Jun 2022 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras Selangor. Bengkel ini telah melibatkan penyertaan seramai 38 orang pegawai mewakili Jabatan/Bahagian/Agensi di bawah Kementerian. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyediaan jawapan Parlimen bagi Kementerian ini. Bengkel ini juga diadakan untuk menerangkan garis panduan serta peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi semasa penyediaan dokumen makluman, pertimbangan, maklum balas dan keputusan Jemaah Menteri.



Kursus Pemikiran dan Pengurusan Strategik 2022

Kursus Pemikiran dan Pengurusan Strategik telah dilaksanakan dengan jayanya dengan kehadiran 30 orang pegawai pengurusan dan profesional KBS bertujuan menerapkan pemikiran strategik selain memastikan pelaksanaan perancangan Kementerian dapat diuruskan secara strategik seterusnya mencapai matlamat selaras dengan pembangunan negara terutamanya dalam sektor belia dan sukan. Selain itu, ia juga untuk memahami konsep asas dan amalan dalam bidang ilmu pemikiran strategik, perancangan strategik dan pengurusan strategik serta mengenal pasti elemen-elemen dalam proses tersebut bagi membudayakan pemikiran strategik dalam pengurusan organisasi.



Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik

Sesi Libat Urus Semakan Sasaran Kerja Utama (SKU) Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

Sesi libat urus semakan Sasaran Kerja Utama (SKU) KBS yang bertujuan untuk menyemak dan memurnikan seterusnya menambah baik dokumen SKU sedia ada telah diadakan dengan jayanya bersama pegawai-pegawai penyelarass SKU setiap agensi. Objektif sesi ini juga adalah untuk menyelarass Sasaran Kerja Utama (SKU) KBS bagi penetapan sasaran kerja serta penentuan *outcome* dan output, seterusnya memuktamadkan dokumen SKU Kementerian.

Bengkel Pemurnian dan Penulisan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM2030)

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik telah menganjurkan Bengkel Pemurnian dan Penulisan Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030). Bengkel ini telah dilaksanakan pada 14 hingga 16 Februari 2022 di Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia yang dihadiri oleh wakil Bahagian/Agensi KBS yang dilantik sebagai pasukan penulis dan lima (5) orang pakar rujuk. Bengkel ini merupakan sebahagian daripada fasa akhir gerak kerja pembangunan MPBM2030 yang meliputi penulisan dan pemurnian bagi penghasilan kerangka dan dokumen MPBM2030.



Kursus Dasar Belia Malaysia (DBM) dan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Pindaan) 2019 (Akta A1602)

Kursus Dasar Belia Malaysia (DBM) dan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Pindaan) 2019 (Akta A1602) telah dilaksanakan pada 20 dan 21 Jun 2022 bertempat di National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Bandar Baru Bangi, Selangor. Seramai 35 orang pegawai yang mewakili Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KBS telah menyertai kursus ini. Penglibatan penceramah terdiri daripada Institut Pengajian Tinggi, Penasihat Undang-undang KBS, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dan Ketua Penolong Pendaftar Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia. Di samping itu, pelaksanaan latihan dalam kumpulan telah menambahkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan DBM dan Akta A1602. Melalui kursus ini, peserta dapat merancang dan melaksanakan program/aktiviti di peringkat Bahagian/Jabatan/Agensi dengan lebih kemas dan teratur berpandukan kepada dasar dan perundangan KBS.





LAPORAN SEKTOR STRATEGIK

Sekretariat Industri Sukan



Sekretariat Industri Sukan

Sekretariat Industri Sukan (SIS) telah ditubuhkan pada 22 April 2020 setelah mendapat kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pasca Kabinet Bil.12/2020 dengan kekuatan lapan (8) orang pegawai yang berperanan untuk mencorak Industri Sukan ke arah kelestarian. Objektif utama SIS khusus bagi menyiapkan Pelan Induk Industri Sukan (PISMA), Akaun Satelit Sukan (SSA) dan aktiviti pembangunan ekosistem industri sukan negara.

Sejak SIS mula beroperasi pada 20 Mei 2020, SIS telah bergerak ke arah mencapai visi peneraju pembangunan Industri Sukan Malaysia yang kompeten sebagai salah satu sumber baru ekonomi negara.

PROGRAM DAN AKTIVITI

SEKRETARIAT INDUSTRI SUKAN (SIS)

SIS telah merangka beberapa program bagi memacu dan memperkasakan sektor industri sukan yang kompetitif melalui ekosistem yang kondusif untuk menggalakkan pertumbuhan demi kelestarian industri sukan serta meningkatkan sumbangan ekonomi negara.

SIS berjaya melaksanakan program utama dan berimpak tinggi lain seperti berikut:

Majlis Santai YB Menteri Belia dan Sukan Bersama Ketua-ketua Syarikat Pemain Industri Sukan Malaysia

Majlis Santai YB Menteri Belia dan Sukan bersama Ketua-ketua Syarikat Pemain Industri Sukan Malaysia dan Majlis Pra-Pelancaran Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur 2022 (EISKL2022) ini telah diadakan pada 22 September 2022 bertempat di Lobi Utama Perbadanan Stadium Malaysia, Stadium Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Program ini mendapat sambutan yang luar biasa dari pemain industri dengan kehadiran melebihi 250 orang terdiri dari ketua-ketua dan pegawai-pegawai syarikat industri sukan Malaysia, rakan-rakan media, penaja, dan penganjur Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur 2022.

Matlamat utama penganjuran kedua-dua majlis ini adalah untuk menghimpunkan semua ketua syarikat yang terlibat di dalam sektor industri sukan Malaysia di dalam satu majlis.

Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur 2022

Penganjuran Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur 2022 (EISKL2022, 6 – 9 Oktober 2022) yang dianjurkan kali pertama berlangsung dengan jayanya. KBS bercadang menjadikan penganjuran ekspo ini sebagai acara tahunan. Penganjuran kali pertama ini berjaya memeterai tiga perjanjian perniagaan bernilai RM13 juta serta 12 pelancaran produk baru.

Majlis perasmian Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur (EISKL2022) telah diadakan pada 6 Oktober 2022 dan dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan. Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan; Puan Ramona Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik); dan Encik Abdullah Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Dianggarkan lebih kurang 700 orang telah menghadiri majlis perasmian ini.



Autoshow melibatkan penyertaan dari negara Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei.

Malam Penghargaan Industri Sukan Negara

Majlis Malam Penghargaan Industri Sukan Negara telah diadakan pada 8 Oktober 2022 di Khemah Utama Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur 2022. Seramai lebih kurang 350 orang tetamu telah menghadiri majlis ini. Tetamu kehormat bagi merasmikan dan menyampaikan penghargaan untuk majlis ini adalah YB Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

Pada majlis ini, pihak Sekretariat Industri Sukan (SIS), KBS telah menyediakan penghargaan kepada tujuh (7) syarikat dan agensi yang banyak memberi sumbangan kepada sektor industri sukan negara sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Syarikat-syarikat dan agensi-agensi tersebut adalah Institut Sukan Negara (ISN), Majlis Sukan Negara (MSN), Syarikat Qasturi Tiga Sdn. Bhd., Syarikat MediCap Sdn. Bhd., Syarikat Takaful Ikhlas, Syarikat MND Sport Sdn. Bhd. dan Syarikat Extra Joss.

Sesi Kunjungan Hormat Ketua Perangkawan Malaysia ke atas YB Menteri Belia dan Sukan

Bagi mengeratkan lagi jalinan kerjasama strategik di antara KBS dan DOSM, satu sesi kunjungan hormat oleh Ketua Perangkawan Malaysia ke atas YB Menteri Belia dan Sukan telah diadakan pada 2 Ogos 2022 bertempat di Akademi Kenegaraan i-LEAD, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur. Seramai 13 orang jemputan telah hadir ke sesi kunjungan hormat ini termasuk ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KBS seperti YBrs. Puan Ramona binti Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik); Encik Azhari bin Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara; YBrs. Dr. Vellapandian A/L Ponnusamy, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia; Encik Azhan Shafriman Hanif, Ketua Pegawai Eksekutif *Selangor International Circuit*; Encik Jefry bin Aziz@Adan, Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KBS; dan Encik Mustaza Ahmad, Ketua Sekretariat Industri Sukan. Tujuan utama sesi kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan dengan lebih lanjut tentang perancangan rangka kerja pembangunan SSA serta tempoh masa yang diperlukan untuk ia diterbitkan kepada umum.

Hasil daripada sesi kunjungan hormat ini, pihak DOSM telah membuktikan komitmen mereka dalam membangunkan SSA dengan menyerahkan satu Laporan Awalan Akaun Satelit Sukan 2021 kepada pihak KBS seperti yang dijanjikan. Walau bagaimanapun, laporan awalan tersebut hanyalah untuk edaran terhad dan kegunaan dalaman KBS sahaja.



LAPORAN SEKTOR STRATEGIK

Bahagian Hubungan Antarabangsa



Bahagian Hubungan Antarabangsa

Sebelum ini dikenali sebagai Cawangan Antarabangsa dan diletakkan di bawah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Program/aktiviti yang melibatkan hubungan antarabangsa turut dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) Institut Sukan Negara (ISN), Majlis Sukan Negara (MSN), Pusat Belia Antarabangsa (IYC) & Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia (IYRES) dan Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD).

FUNGSI UTAMA

Menyelaras hubungan kerjasama dengan organisasi antarabangsa dan negara luar agar kerjasama dua hala serta pelbagai hala dalam agenda pembangunan belia dan sukan dapat dipertingkatkan.

PROGRAM DAN AKTIVITI

KUNJUNGAN HORMAT PYT DUTA BESAR HUNGARY KE MALAYSIA KE ATAS YBHG. DATO' KSU KBS

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada PYT Dr. Petra Ponevacs-Pana, Duta Besar Hungary ke Malaysia pada 11 April 2022. Kunjungan hormat tersebut bertujuan memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Hungary terutamanya dalam kerjasama pembangunan belia dan sukan serta membincangkan bidang kerjasama yang boleh diterokai bersama. Antara perkara utama yang telah dibincangkan adalah usaha untuk memperkasakan sukan Teqball yang berasal dari Hungary di Malaysia. Selain itu, kedua-dua pihak bersetuju akan kepentingan untuk melahirkan belia kalis masa depan (*future-proof*) termasuk merancang kurikulum latihan kemahiran yang relevan dengan perkembangan teknologi terkini. Turut sama semasa kunjungan hormat tersebut adalah YBrs. Puan Ramona Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha KBS (Strategik).



YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan menerima cenderamata daripada PYT Dr. Petra Ponevacs-Pana, Duta Besar Hungary ke Malaysia.



PYT Dr. Petra Ponevacs-Pana, Duta Besar Hungary ke Malaysia semasa menandatangani buku pelawat yang disaksikan oleh YBhg. Dato' mantan KSU dan YBrs. Puan TKSU (S).

KUNJUNGAN HORMAT TYT DUTA BESAR AZERBAIJAN KE MALAYSIA KE ATAS YBHG. DATO' KSU KBS



TYT Irfan Davudov, Duta Besar Republik Azerbaijan ke Malaysia semasa menandatangani buku pelawat yang disaksikan oleh YBhg. Dato' KSU dan YBrs. Puan TKSU (S).

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Irfan Davudov, Duta Besar Republik Azerbaijan ke Malaysia pada 9 Ogos 2022.

Kunjungan hormat tersebut bertujuan memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Republik Azerbaijan terutamanya dalam kerjasama pembangunan belia dan sukan serta membincangkan bidang kerjasama yang boleh diterokai bersama.

Turut sama semasa kunjungan hormat tersebut adalah YBrs. Puan Ramona Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha KBS (Strategik) dan Puan Nur Nazirah Md Joha, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa.

1st ASEAN Youth Dialogue, Siem Reap, Cambodia

Seramai lima (5) orang belia yang mewakili Malaysia telah menghadiri program *1st ASEAN Youth Dialogue* di Siem Reap, Kemboja. Program ini dilaksanakan secara dua (2) fasa iaitu secara maya pada 18 hingga 20 Julai 2022 dan 24 hingga 27 Julai 2022.

Program ini adalah anjuran bersama *Ministry of Education, Youth and Sports of the Kingdom of Cambodia* dan Sekretariat ASEAN dengan sokongan peruntukan oleh *Republic of Korea (ROK)* melalui *ASEAN-Korea Cooperation Fund (AKCF)* yang merupakan sebahagian daripada *The 9th ASEAN-Korea Frontier Forum: ASEAN-Republic of Korea Youth Community Initiative*.

Program ini bertemakan “*Youth in the Era of the Fourth Industrial Revolution: Opportunities and Challenges in Post-Pandemic Recovery*,” dan telah menghimpunkan 75 orang belia dari Negara Anggota ASEAN dan ROK. Program ini bertujuan untuk mengadakan sesi dialog bersama menteri-menteri ASEAN dan wakil peringkat tertinggi kerajaan dari Negara Anggota ASEAN dan ROK mengenai cadangan dan peluang yang boleh dimanfaatkan dalam menangani cabaran Revolusi Perindustrian Keempat.

Hasil sesi dialog yang dibincangkan akan diterapkan dalam pelaksanaan *ASEAN Work Plan on Youth 2021-2025* dan *ASEAN Plus Three Work Plan on Youth 2021-2025* supaya selaras dengan *ASEAN-ROK Plan of Action 2021-2025*.



The 1st ASEAN Youth Dialogue secara maya dari 18 hingga 20 Julai 2022.

LAWATAN TRANSPARENCY INTERNATIONAL OF CAMBODIA & ACTIONAID OF CAMBODIA KE KBS

Bahagian Hubungan Antarabangsa dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat dan Unit Integriti telah menerima lawatan daripada delegasi *Transparency International of Cambodia & ActionAid of Cambodia* bersempena dengan pelaksanaan Program *Young Leadership Programme (YLP) 2022* anjuran Kerajaan Kemboja.

Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pembangunan belia di Malaysia. Selain itu, delegasi ini juga dalam usaha untuk mendapatkan maklumat mengenai program dan aktiviti pembangunan belia Malaysia bagi penyediaan kertas kerja bertajuk *Greater Young Women Empowerment in Decision Making and Accountable Public Service Delivery*.

Seramai 13 orang belia dan pegawai daripada *Transparency International of Cambodia* telah hadir ke Menara KBS untuk tujuan lawatan berkenaan. Bagi membantu merealisasikan objektif lawatan berkaitan, pengisian lawatan terdiri daripada taklimat daripada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik mengenai Dasar Pembangunan Belia Malaysia, taklimat daripada Jabatan Belia dan Sukan Negara mengenai program dan aktiviti pembangunan belia di Malaysia, lawatan ke gimnasium KBS dan aktiviti sukan tradisional sebagai pengenalan kepada semua delegasi berkenaan.



Lawatan daripada delegasi *Transparency International of Cambodia & ActionAid of Cambodia* bersempena dengan pelaksanaan Program *Young Leadership Programme (YLP) 2022* anjuran Kerajaan Kemboja di Menara KBS, Putrajaya.



ASEAN YOUTH DEBATE 2022

Malaysia telah diwakili oleh tiga (3) pasukan debat yang terdiri daripada dua (2) pasukan daripada Universiti Malaya dan satu (1) pasukan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ketiga-tiga pasukan ini merupakan pasukan debat yang berjaya dalam beberapa acara di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

Pasukan pertama terdiri daripada Catherine Alicia Nathan, Muhyiddin Ahsan bin Sultan Askin, Kuan Karikeyan a/l Ravichandran, Melveer Singh a/l Anajee Singh dan Then Khai

Yang. Pasukan ini merupakan pasukan utama daripada Universiti Malaya. Manakala pasukan kedua daripada Universiti Malaya terdiri daripada Alexander Lugun Raj, Benjamin Tan Jer Chien, Imran bin Zamil Najwah, Rashvin a/l Vijaya Kumar dan Uteh Arianna binti Abdul Jalil. Pasukan daripada UIAM yang turut mewakili negara adalah Nur Sarrah binti Salihin, Elia binti Al Hakim, Muhammad Shameyl bin Haikal, Anis Sufea binti Ismail dan Ahmad Harith bin Johari.

Pusingan akhir debat ini mempertemukan Pasukan Malaysia dengan Pasukan Kemboja. Pasukan Debat Malaysia telah berjaya memenangi *ASEAN Youth Debate 2022* mengalahkan Kemboja.

6th ASEAN YOUTH VIDEO CONTEST 2022

Sempena pelantikan Cambodia selaku Pengerusi ASEAN 2022, Kerajaan Cambodia telah mengadakan Pertandingan 6th ASEAN Youth Video 2022. Pertandingan ini khusus untuk belia-belia dari Negara Anggota ASEAN.

Belia Malaysia, Kirtana Genason berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan ini.



THIRTEENTH ASEAN SENIOR OFFICIALS MEETING ON SPORTS (SOMS-13), AND RELATED MEETINGS

Thirteenth ASEAN Senior Officials Meeting on Sports (SOMS-13), and Related Meetings telah dilaksanakan secara fizikal dari 25 hingga 29 Oktober 2022 di Phuket, Thailand. Mesyuarat ini menasaskan penyertaan di kalangan wakil ASEAN Senior Officials Meeting on Sports (SOMS) iaitu terdiri daripada Ketua Setiausaha/Setiausaha Tetap/Pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal sukan dari Negara Anggota ASEAN. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh En. Ahmad Jefry bin Aziz@Adan, Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KBS. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat berjadual di mana ia bersidang satu (1) kali setiap tahun dan giliran pengerusi Mesyuarat SOMS adalah mengikut penggiliran abjad di kalangan Negara Anggota ASEAN. Seperti mana yang telah dipersetujui semasa Fifth ASEAN Ministerial Meeting on Sports di Manila, Filipina pada 9 Oktober 2019, Thailand adalah merupakan Pengerusi SOMS-13. Mesyuarat SOMS-13 akan bersidang terlebih dahulu bagi membincang dan mempersetujui perkara-perkara yang akan dibawa kepada perhatian Seventh ASEAN Ministerial Meeting on Sports (AMMS-7) pada tahun 2023 untuk pengesahan sebelum dilaksanakan oleh semua Negara Anggota ASEAN.



Delegasi perwakilan Negara Anggota ASEAN yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan Tertinggi Kementerian yang bertanggungjawab dalam bidang sukan di negara masing-masing.

JAPAN-EAST ASIA NETWORK OF EXCHANGE FOR STUDENTS AND YOUTHS (JENESYS2022)

Seramai 19 delegasi Malaysia terdiri daripada pegawai Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Majlis Belia Malaysia berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai program *Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths* (JENESYS 2022) dari 22 hingga 30 November 2022 anjuran Kerajaan Jepun melalui *Japan International Cooperation Center* (JICE)

Program ini bertujuan menggalakkan persefahaman di kalangan rakyat antara negara Jepun dan rantau Asia-Pasifik di samping membina jaringan perhubungan serta kerjasama masa depan. Program ini juga menggalakkan pemahaman mengenai ekonomi, masyarakat, sejarah, budaya politik dan hubungan diplomatik Jepun.



Sekitar aktiviti dan program yang telah dijalankan semasa *Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths* (JENESYS 2022) dari 22 hingga 30 November 2022 di Tokyo, Jepun.

CATATAN

CATATAN

CATATAN



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MENARA KBS

NO. 27, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
062570 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

+603-8871 3333/3000

+603-8888 8770

    KBSMalaysia

www.kbs.gov.my